



# SAMUDEERA

WADAH MENGEMBANGKAN MINDA GENERASI BAHARU THE NAVY PEOPLE

TRANSFORMASI

15

to

5

- PROGRAM TRANSFORMASI  
15 to 5 ARMADA TLDM  
MENDOKONG TERAS STRATEGIK  
MINDEF  
#Kesiapsiagaan #Keselamatan

EDISI HARI  
TLDM KE-82



SETTINGGI-TINGGI  
TAHNIAH & TERIMA KASIH  
**TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA**  
DI ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI DAN  
MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA, NEGARA  
BERTUAHINI




**“Selamat Hari TLDM Ke-82”**

DENGAN IRINGAN DOA DAN INGATAN TULUS IKHLAS



**BUDI AXIS SDN BHD** (836389 – H)  
("Your Reliable Strategic Alliance")

Suite B1-17, Megan Ambassy, 225 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2171 2525, 03-2171 2727  
Fax: 03-2166 1717  
Email : [enquiry@budaxis.com](mailto:enquiry@budaxis.com)



## Dari Meja Ketua Editor

**S**alam 1Malaysia dan selamat bertemu kembali kepada pembaca setia Majalah SAMUDERA. Majalah SAMUDERA Siri 1/16 merupakan edisi Hari TLDM Ke-82 bagi tahun 2016. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari TLDM Ke-82 kepada seluruh *the Navy People*. Tema hari TLDM pada tahun ini masih lagi mengekalkan 'TLDM Siap Siaga, Perairan Terpelihara.'

Majalah SAMUDERA Siri 1/16 ini memaparkan strategi-strategi pelan transformasi yang sedang dilaksanakan oleh pengurusan tertinggi TLDM. Pelan transformasi ini dirangka bersesuaian dengan Pengumuman Pengubahsuaihan Bajet 2016 oleh Menteri Pertahanan pada 28 Jan 16 yang lalu. Kunci pemacu ke arah transformasi adalah seperti berikut:

- Langkah Penjimatan yang lebih drastik.
- Pelaksanaan untuk kemampunan jangka masa panjang.
- Langkah strategik untuk menghadapi ketidaktentuan ekonomi global.
- Langkah perbelanjaan berhemah tanpa menjelaskan kualiti pencapaian perkhidmatan.
- Menekankan prinsip *value for money*.

Siri kali ini juga memaparkan pelaksanaan kejohanan Mini Olimpik (KMO) TLDM 2016 yang berteraskan 3K iaitu Kecergasan, Kesihatan dan Kesegakan bagi mendokong Program Fit Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Akhir kata, harapan dari Sidang Redaksi agar paparan penerbitan Majalah SAMUDERA terus dihayati dan memberi manfaat untuk dikongsi oleh semua peringkat generasi. Sidang Redaksi juga berharap Majalah SAMUDERA terus mengorak langkah sebagai wadah mengembangkan minda generasi baharu. Cadangan dan maklum balas serta komen amat dialu-alukan untuk meningkatkan mutu penerbitan sebagai penambahbaikan berterusan.

Sekian, salam hormat dari Sidang Redaksi dan selamat Hari TLDM Ke-82.

SEDIA BERKORBAN

## SIDANG REDAKSI



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Anuwi bin Hassan



KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Ganesh Navaratnam

### EDITOR



Kept Syed Ahmad Hilmi bin Syed Abdullah TLDM



Kdr Saharudin bin Bongsu TLDM



Lt Kdr Fakhron Diyana binti Fakruddin TLDM



Lt Kdr Mohd Fared bin Mohd Arif TLDM



Lt Nor Melissa binti Yayanto TLDM



PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor

### REKA BENTUK

Lt Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM  
PKK Ahmad Fauzan bin Rathuan@Radzuan

### PENGEDARAN

BK TMK Amran bin Md Julis  
LK PNK Ahmad Alphanizam bin Ahmad Tamrad

### PERCETAKAN

MIHAS GRAFIK SDN BHD  
No. 9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya  
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA  
Bahagian Pengurusan Strategik  
Markas Tentera Laut, Wisma Pertahanan  
50634 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-20713041 Faks: 03-26929407  
Emel: majalahsamuderatldm@gmail.com

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalui aluan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Mengembangkan Minda Generasi Baharu *the Navy People*'.

# KANDUNGAN

## 3 DARI MEJA KETUA EDITOR Sidang Redaksi

6 FOKUS: Program Transformasi 15to5 Armada TLDM Ke Arah Tentera Laut Bertaraf Dunia

## 10 KESIAGAAN

Mine Disposal Vehicle (MDV) Olister  
Latihan Pendaratan Geladak di Kapal Auksiliari  
TUN AZIZAN

## 12 OPERASI & EKSESAIS

Eks MALAPURA 26/16  
Op PATKOR MALINDO 131/16

## 14 INFO IT

Media Sosial - Senjata Paling Efektif Masa Kini  
Penggunaan Sumber Maklumat Maya dalam  
TLDM  
Kesejahteraan Veteren Menerusi e-MASS

## 18 HARIINI DALAM SEJARAH (HIDS)

TLDM Terima Dua Buah Kapal Ronda  
Misi Bantuan Kemanusiaan Mangsa Tsunami  
Lawatan Yang diPertuan Agong ke Pangkalan  
TLDM Woodlands  
KD SRI JOHOR Ditauliahkan  
Penubuhan HQ COMNAV WEST  
Petaulahan KD PARI  
Petaulahan KD PANGLIMA  
Sukarelawati TLDM di KD SRI KELANTAN  
Petaulahan KD TAHAN

23 UNSUNG HERO: Bebaskan Tebusan Ditawan Lanun  
Lt Kdr Akhbar Pertaruh Nyawa

26 PENULIS TAMU: Sambutan Hari TLDM Dekad 50an dan 60an

28 SNAPSHOT: LK I PLM Mohd Shahrim bin Zainundin sedang melaksanakan *mine hunting diving* di Pulau Payar, Kedah

30 KHAS: Salam Perantauan

32 TIPS: Memahami Ketagihan Berjudi Atas Talian & Rawatan untuk Penagih

## 34 NBOS

Latihan Payung Terjun  
Program Summer Camp  
Majlis Perhimpunan Rukun Tetangga 1Malaysia 2016  
Pelancaran Projek e-Science Fund  
Majlis Penutup Program Jati Diri

## 40 PRIHATIN

Program Jiwa Murni TLDM  
Berganding Bahu di Sarawak  
Hulurkan Tangan Ringankan Beban

## 44 PSSTLDM

FOMDEX 2/16  
Ekspedisi Kembara Muhibah  
Pameran Kerjaya TLDM  
Latihan Penembakan Senjata Kecil

48 PERSONALITI: Lt Kdr Shah Rizan Bangga Bergelar Celo

50 TINTA ROHANI: Kesepadan Rohani dan Jasmani

## 52 INFO DIDIK

Skim Pinjaman Akademik Anak Tentera (SPAT)  
Skim Tabung Pinjaman Akademik dan Pengajian Tinggi Angkatan Tentera (TAPAT)

## 56 BERITA SEMASA


Jasa Tim Penyelam KD DUYONG Dihargai  
Sambutan Kepulangan dan Pembubaran Tim  
Pemantau Antarabangsa Mindanao  
Lawatan Kapal Perang dari *Japan Maritime Self Defence Force* (JMSDF)  
Thai Navy di Kuching

60 INFO KESIHATAN: Layakkah Saya?

62 SUKAN: Kejohanan Mini Olimpik TLDM

66 GALLEY SAMUDERA: *Underwater Croque Monsieur*

68 SURAT PEMBACA



Kulit Hadapan:

Program Transformasi Armada TLDM 15to5 merupakan cetusan inovasi TLDM untuk meningkatkan kesiagaan melalui pengoptimuman dan penjimatkan perbelanjaan operasi TLDM. Artikel di ruangan Fokus muka surat 6.

Reka bentuk oleh: Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA

# Saji

## Sentuhan Keajaiban

Penyediaan masakan menjadi lebih mudah dengan adanya rangkaian Pes Sambal SAJI.

Dengan gabungan air tangan anda, hidangan bertambah lazat dalam masa yang singkat.

Pes Sambal SAJI menjadi pilihan hati.

*Sajikan hari ini!*



# ROYAL MALAYSIAN NAVY 15-to-5 FLEET TRANSFORMATION PROGRAMME

Malaysia is maritime nation and the RMN is mandated to protect its sovereignty and maritime interests continuously. As such, the nation needs to have a ready and capable fleet to undertake the roles and tasks to address the myriad of maritime challenges and issues efficiently and effectively. Today most of the ships in the RMN Order-of-Battle (ORBAT) are of 30 to 40 years old and looking at the budget constraints, nothing much would change in the immediate future. Appreciating this situation to persist, the RMN needs to think out of the box and not to do business as usual because the capability gap will keep widening if nothing is done immediately.


As an innovative, pragmatic and realistic approach, the RMN 15to5 Fleet Transformation Programme is a bold initiative towards a more sustainable capability management effort. This innovative initiative will witness the consolidation and streamlining of the RMN fleet from existing 15 different types or classes of ships to a much more manageable list or

# PROGRAM TRANSFORMASI ARMADA 15-to-5 TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

Sebagai sebuah negara maritim, TLDM dimandatkan untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan Malaysia setiap masa. Justeru, negara amat memerlukan armada yang siaga dan berkeupayaan untuk melaksanakan pelbagai peranan dan tanggungjawab bagi menangani cabaran dan isu-isu maritim secara berkesan dan efektif. Pada masa kini, kapal-kapal TLDM telah menjangkau usia antara 30 ke 40 tahun dan melihat kepada kekangan kewangan yang sedang dihadapi, tiada perubahan besar yang boleh diharapkan dalam masa terdekat. Mengambil kira keadaan sedemikian, TLDM harus menggunakan pendekatan dan berfikir secara di luar kotak (think out of the box) dan perlu melakukan sesuatu diluar kebiasaan supaya jurang keupayaan TLDM tidak terus ketinggalan jika tiada sebarang tindakan diusahakan.

Sebagai satu inovasi, langkah praktikal dan realistik melalui Program Transformasi





category of only five classes of ships that will be more cost effective to maintain and manage.

The 15 classes of ships from seven different nations (UK, Germany, Italy, France, Sweden, Korea and Malaysia) will finally be transformed to five classes of ships that is envisaged to be built by our local shipyards and industries. This initiative would also facilitate the RMN to be less dependent on foreign support and more importantly, provide opportunities for the RMN to enhance the efficiency and effectiveness of its logistics and supply chain management. This initiative would also create an enormous opportunity for the country to enhance the local shipbuilding industries which invariably help boost the nation's economic well-being.

The classes of ships that would be decommissioned and phased out in stages in accordance with the casting policy and will significantly reduce increasing maintenance cost currently managed through limited allocations through Operating Expenditure (OE). This initiative will witness the implementation of various strategies to enhance optimisation and savings from OE rather than seek for new funds through Development Expenditure (which would be not attainable in the current economic climate). The key strategy is diverting the allocations from OE used for repairing and maintaining the phased out ships to fund the building of new ships for the RMN. This innovativeness and boldness characterises the 15to5 transformation initiative. This transformation will enable the RMN to have a potent force in the immediate future that would be maintained and sustained in a cost effective manner so as to be a force-in-being to be reckoned with.

The classes of ships that would be phased out in stages will significantly reduced maintenance cost through the Operating Expenditures (OE).

Optimising and Savings from operational expenditures to maintain these phased out ships would be used to fund building of new ships for the RMN.

This transformation will enable the RMN to have a potent force in the immediate future that would be cost effectively maintained and sustained so as to be a force to be reckoned with.

15to5 Armada TLDM merupakan inisiatif baru dan berani ke arah pengurusan keupayaan yang mapan. Usaha ini menyaksikan pelan penyusunan semula armada yang kini terdiri daripada 15 kelas kapal kepada hanya 5 kelas kapal yang lebih kos efektif untuk di selenggara dan diuruskan.

Pembinaan 15 kelas kapal TLDM yang ada sekarang telah dilaksanakan di 7 negara berlainan (UK, Jerman, Itali, Perancis, Sweden, Korea Selatan dan Malaysia). Program Transformasi ini bakal menyaksikan 5 kelas kapal yang bakal dimiliki TLDM berkemungkinan dibina oleh limbungan tempatan. Ini akan mengurangkan kebergantungan negara terhadap negara luar serta memungkinkan pengurusan logistik yang lebih baik dan efisien. Pada masa yang sama, industri pembinaan kapal negara dapat dipertingkatkan sekali gus menyumbang terhadap pembangunan ekonomi negara yang lebih baik.

Kapal-kapal TLDM akan dilucut tauliah daripada perkhidmatan secara berperingkat mengikut dasar kasting semasa dan langkah tersebut akan membolehkan penjimatan dijana melalui pengurangan kos selenggaraan dan perbelanjaan mengurus. Penjimatan yang diperolehi daripada langkah tersebut akan digunakan untuk membiayai pembinaan kapal-kapal baru yang diperlukan TLDM.

Transformasi ini akan membolehkan TLDM memiliki armada yang kuat dan berkeupayaan dalam masa yang terdekat serta lebih kos efektif untuk di selenggara dan berdaya tahan seterusnya akan menjadi kuasa yang disegani dengan pembaharuan yang diimplimentasikan.

# PTP

## FLEET TRANSFORMATION PROGRAMME




# PTP

## PLAN TRANSFORMASI ARMADA


# MINE DISPOSAL VEHICLE (MDV) OLISTER

## PRINSIP ASAS DAN LAPORAN PENGUJIAN

Oleh: Lt Kdr Mohd Shafiq Sharhan bin Zainal TLDM  
KD KINABALU



*M i n e*  
*D i s p o s a l*  
*V e h i c l e* (MDV) Olister mula dipasang di kapal Skuadron Penangkis Periuk Api (SPP) Ke-26 mulai tahun 2011. MDV Olister telah diterima secara rasmi di kapal pada 28 Apr 11 bagi menggantikan MDV PAP 104. MDV Olister yang diterima merupakan sistem baru yang menggunakan bateri dan mempunyai sistem moden untuk mengenal pasti periuk api. MDV Olister adalah satu penyelesaian yang optimum untuk melaksanakan pengenalan (Identification) dan pemusnahan (Neutralization) periuk api di dasar laut.



### PERINCIAN UJIAN

Ujian *Pre Launch Test* (PLT) dilaksanakan di atas kapal terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke laut. Hasil ujian PLT mendapat peralatan beroperasi baik dan boleh diuji di laut. MDV Olister dipindahkan ke laut dengan menggunakan *Port Morini Crane*.

Selepas itu MDV Olister dipandu (surface swimming) dengan menggunakan kawalan dari *Local Control Console* (LCC) bagi menguji kefungsian *vertical thruster* dan *horizontal thruster*. Semasa ujian dilaksanakan, peralatan berfungsi baik dan mengikuti segala arahan daripada LCC.

Seterusnya kawalan MDV Olister dipindahkan daripada LCC ke *Main Control Console* (MCC) dan menyelam sehingga kedalaman 21 meter bagi menguji *auto depth setting*, kamera dan sonar.

### SPESIFIKASI MDV OLISTER

Spesifikasi ringkas mengenai MDV Olister adalah seperti berikut:

Fungsi	: Mengenalpasti dan kedudukan dan jenis periuk api.
Tinggi	: 1.1 Meter.
Lebar	: 1.1 Meter.
Berat	: 680 Kg.
Panjang	: 3.2 Meter.
Jarak Pengoperasian	: 500 Meter
Jarak Pengoperasian	: 1800 Meter (menggunakan Bobbin Wire).
Kelajuan	: 8 Knot.
Kedalaman Operasi	: 300 Meter
Ketahanan Operasi	: 45 Minit



# LATIHAN PENDARATAN GELADAK DI KAPAL AUKSILIARI TUN AZIZAN

Oleh: Lt Kdr Muhammad Firdaus bin Ramli TLDM, Skuadron 502  
Foto: Kdr Mohd Sham Saimon TLDM



Pendaratan Geladak di Kapal Auksiliari TUN AZIZAN pada waktu malam


ATM dan PETRONAS telah mencatatkan sejarah sekali lagi kerana telah berjaya melaksanakan Latihan Pendaratan Geladak dalam skala besar melibatkan helikopter dari TLDM, TUDM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan dibantu oleh PDRM serta agensi perkhidmatan yang lain seperti TDM, Markas Angkatan Bersama (MAB), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Jabatan Penerbangan Awam, Sandakan. Latihan pendaratan pesawat helikopter ini merupakan hasil persetujuan bersama antara pihak ATM, APMM dan PETRONAS untuk memperkuuhkan kompeten juruterbang, memperagakan kehadiran dan mengukuhkan keselamatan di Pantai Timur Sabah. Lanjutan itu, latihan ini dirancang untuk dilaksanakan sebanyak empat siri pada tahun 2016.

Latihan siri pertama ini telah dilaksanakan mulai 22 hingga 26 Feb 16 di Kapal Auksiliari TUN AZIZAN, Sandakan, Sabah. Siri latihan pada kali ini turut melibatkan sub komponen Eksesais JERUNG MAS 2016 iaitu *air insertion* oleh Pasukan Khas ATM dan latihan pengukuhan senario pemindahan *Medical Evacuation/Casualty Evacuation* (MEDEVAC/ CASEVAC) oleh Tim Perubatan ATM. Pada latihan ini, ATM telah menghantar helikopter FENNEC (TLDM) dan EC 725 dan NURI (TUDM) manakala APMM turut mengambil peluang melaksanakan pendaratan geladak di kapal TLDM. Latihan pendaratan geladak pada waktu siang selama 4 jam dan diteruskan pula pada sebelah malam selama 2 jam. Selesai latihan, taklimat *After Action Report* telah dilaksanakan untuk memperbaiki kekurangan

untuk latihan pada hari berikutnya. Siri latihan ini juga turut menguji peralatan-peralatan pendaratan seperti *Power Flare* yang berfungsi sebagai lampu penanda parameter di atas geladak penerbangan. Sepanjang empat hari latihan, setiap yang terlibat telah memberikan maklum balas yang memberangsangkan dan mencadangkan latihan ini diteruskan seperti yang dirancang. Latihan ini membolehkan krew helikopter dari TUDM mengasahkan kecekapan melakukan pendaratan geladak selain dari TLDM dan APMM yang diiktiraf pakar di dalam pendaratan geladak berdasarkan bidang tugas yang diamanahkan. Selain meningkatkan lagi persefahaman di antara agensi yang terlibat, latihan ini juga membolehkan setiap krew dari agensi terbabit bertukar-tukar pengalaman dan maklumat dalam meningkatkan lagi keberkesanan pengoperasian serta keselamatan di kawasan Timur Sabah apabila keadaan memerlukan kelak.



Pendaratan Geladak di Kapal Auksiliari TUN AZIZAN pada waktu siang



# EKS MALAPURA 26/16 MENGUKUHKAN HUBUNGAN SERANTAU

Oleh: Lt Muhammad Rafie Pasqual bin Abdullah TLDM  
KD JEBAT



Pesawat Super Lynx siap sedia untuk diterbangkan daripada KD JEBAT

TLDM bersama Tentera Laut Republik Singapura (TLRS) sekali lagi membuktikan hubungan bilateral yang dijalankan sejak sekian lama akan sentiasa mekar melalui pelaksanaan Eksesais MALAPURA 26/2016. Eksesais yang dilaksanakan saban tahun ini menyaksikan TLDM menjadi tuan rumah bagi tahun 2016 bermula pada 22 Feb sehingga 4 Mac 16.

Sebanyak empat aset TLDM diatur gerak dalam menjayakan eksesais pada kali ini iaitu KD JEBAT, KD SELANGOR, KD KASTURI dan pesawat Super Lynx. Manakala aset TLRS yang terlibat adalah RSS SUPREME, RSS VICTORY, RSS FREEDOM dan pesawat SEAHAWK. Eksesais MALAPURA 26/2016 pada kali ini dilaksanakan secara *Field Training Exercise* (FTX) merangkumi fasa pelabuhan dan fasa laut.

Taklimat eksesais telah disampaikan oleh Col Edwin Leong RSN selaku Pegawai Memerintah Skuadron 188 TLRS yang turut bertanggungjawab sebagai Commander Task Group (CTG) 39.1. Beliau menyifatkan eksesais dua hala pada kali ini telah mencapai objektif yang dirancang di samping mengukuhkan lagi kerjasama dua negara yang sedia terjalin. Pelbagai siri latihan telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keupayaan dan kecekapan tentera laut dari kedua-dua negara ini.

Eksesais pada kali ini turut diserikan dengan Majlis Resepsi yang diadakan di Geladak Penerangan KD JEBAT di Changi Naval Base. Kehadiran kedua-dua Panglima Armada TLDM dan TLRS untuk berinteraksi, berkongsi pengalaman dan berkenalan dengan peserta eksesais berjaya mengukuhkan hubungan kerjasama bilateral antara kedua-dua negara. Hidangan masakan Malaysia berjaya membuka selera para peserta di samping para peserta berpeluang merasai kemeriahinan persembahan dikir barat dari warga KD JEBAT.


Selain menjalani FTX di perairan, eksesais ini juga turut memupuk semangat kerjasama dan persahabatan bagi merebut Piala MALAPURA. Eksesais pada kali ini menyaksikan TLRS menjuarai Piala MALAPURA pada kali ini. Penyampaian Piala MALAPURA telah disampaikan oleh Panglima Armada kepada Pegawai Memerintah RSS SUPREME di Auditorium Zain, PUSTAKMAR dan ucapan penutup daripada Panglima Armada telah menutup tirai Eksesais MALAPURA 26/2016. Majlis penutup tersebut turut dihadiri oleh Rear Admiral Lew Chuen Hong, Panglima Armada TLRS.



Kapal-kapal bergerak dalam formasi



Penembakan sasaran permukaan oleh KD JEBAT



# OP PATTKOR MALINDO 131/16

Majlis pembukaan dan perancangan operasi ini dilaksanakan di LANTAMAL 1, Belawan melibatkan KD LAKSAMANA HANG NADIM dan KD PERKASA daripada TLDM dan KRI SIWAR dan KRI SILIMAN daripada TNI-AL. Turut hadir di majlis pembukaan adalah Panglima Wilayah Laut 3 iaitu Laksamana Pertama Rosli bin Hj Yoob dan Kdr Shahris Faisal bin Abdullah TLDM selaku Ketua Gugus Tugas TLDM.

Pelbagai aktiviti di pelabuhan dan di lapangan termasuk aktiviti sukan telah dilaksanakan sepanjang operasi berlangsung bagi meningkatkan kerjasama dan kesefahaman antara kedua-dua tentera laut ini.

Majlis penutup dan taklimat bagi operasi ini pula dilaksanakan di Markas Wilayah Laut 3. Delegasi daripada TNI-AL yang hadir di majlis penutup pula terdiri daripada Lt Kol (P) Bina Irawan Marpaung selaku Komandan Satuan Tugas TNI-AL.

Sehingga kini, keberkesanan operasi ini jelas terbukti dengan penurunan ketara dalam bilangan kes rompakan dan pelanunian yang dilaporkan di Selat Melaka yang merupakan antara laluan perkапalan yang tersibuk di dunia. Ini juga adalah antara petunjuk positif kejayaan kerjasama operasi antara TLDM dan TNI-AL yang harus dibanggakan oleh kedua-dua negara.



# media sosial

## SENJATA PALING EFEKTIF MASA KINI

Oleh: Lt Mohd Shahril Abdul Ghani TLDM, PR MkTL



tldm\_rasmi FOLLOW

Royal Malaysian Navy (RMN) Welcome onboard to the official Royal Malaysian Navy Instagram Account. Be part of "the Navy People". [navy.mil.my](http://navy.mil.my)

68 posts 1,471 followers 16 following



Penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat kini semakin meluas. Media sosial seperti *twitter*, *facebook*, *instagram*, *youtube*, *whatsApp* dan 1001 jenis aplikasi komunikasi yang wujud kini bukan sekadar satu medium 'borak-borak'.

Aplikasi ini turut digunakan oleh pelbagai organisasi dan individu persendirian dalam mempromosikan produk masing-masing. Kecekapan aplikasi ini membantu setiap informasi untuk sampai kepada pengguna dengan pantas dan dengan kos yang sangat minima menjadikan media sosial sebuah medium yang sangat popular.

TLDM turut mengambil inisiatif untuk menggunakan

media sosial sebagai satu medium untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia berkenaan tugas dan tanggungjawab dalam organisasi ini. Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin telah mengambil inisiatif untuk menggunakan media sosial sebagai medium utama memperkenalkan TLDM kepada umum. Unit Komunikasi Strategik (UKS) diwujudkan bagi merealisasikan inisiatif ini. Bertanggungjawab dalam memastikan setiap aktiviti TLDM sampai ke mata dan telinga rakyat Malaysia, UKS TLDM telah menjadi satu unit yang unik.

Berkembang dari Sel Perhubungan Awam, tugas sebagai Unit Komunikasi Strategik adalah lebih fokus dan tersusun. Promosi bukan lagi hanya bergantung kepada media konvensional seperti akhbar dan berita tv, tetapi hampir majoriti

adalah menggunakan media sosial. Setiap aktiviti melibatkan TLDM dimuat naik ke media sosial. UKS TLDM menggunakan laman *twitter* sebagai medium infoblast serta-merta. Malah nama @tldm\_rasmi dan @mykamarul telah menjadi satu tempat rujukan bagi wartawan untuk mendapatkan info terkini dan boleh dipercayai.

*Facebook RoyalMalaysianNavy* pula bertanggungjawab untuk menambah warna kepada info ringkas yang terdapat di *twitter* serta disokong oleh imej-imej menarik di Instagram tldm\_rasmi. Selain dari media sosial seperti *twitter*, *facebook* dan *Instagram*, laman web navy.mil.my membolehkan pengguna mendapat info yang lebih



lengkap berserta gambar dan video berkaitan.

Jika diumpamakan, portal laman web TLDM adalah umpama sebuah kapal pengangkut yang membawa ratusan jet pejuang untuk melancarkan serangan. kapal perang pemusnah di kiri kanan kapal pengangkut

adalah *facebook* yang mampu menyerang balas dan bertindak pantas sekiranya kapal induk diserang. Manakala jet pejuang adalah *twitter* yang lincah menyampaikan peluru berpandu tepat ke sasaran setiap waktu. *Instagram* adalah peluru berpandu yang meletup tepat ke sasaran, memberi kesan secara terus kepada sasaran-sasaran penting.

Penggunaan media sosial kini bukan lagi untuk berhibur dan bersosial, malah ia merupakan satu medium penyalur maklumat yang sangat berkesan.

The screenshot shows the Twitter profile of the Royal Malaysian Navy (@tldm\_rasmi). It has 5,684 tweets, 222 following, 14.7K followers, and 70 likes. The bio reads: "Royal Malaysian Navy @tldm\_rasmi". The timeline includes a tweet from May 2012 about the Putrajaya Forum, featuring a photo of a stage with a speaker. Another tweet from April 2016 shows a man speaking at a podium during the Putrajaya Forum.

The screenshot shows the homepage of the official website of the Royal Malaysian Navy (TLDM). The header features the logo of the Royal Malaysian Navy and the text "PORTAL RASMI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA" and "SEDA BERKORBAN". The main banner is titled "TAHNIAH DI ATAS PENARAFAN" and "5 BINTANG PORTAL RASMI TLDM". Below the banner, there are sections for "WARGA TLDM", "WARGA AWAM", "SEKTOR KERAJAYA", and "PERKHIDMATAN ATAS TALIAN". The "PAUTAN" section includes links to "myGovernment", "MAMPU", "MSC", and "JPA". The "BERITA UTAMA" section shows images of a military parade and sailors. A video player on the right shows a video titled "Powered by MrVinoth.com". The footer includes the text "SAMUDERA EDISI HARI TLDM KE-82 15".

# PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT MAYA DALAM TLDM

Oleh: Lt Mohd Nazrullah bin Lias TLDM  
KD TUNKU ABDUL RAHMAN

Pada era globalisasi ini, TLDM sedang menuju ke arah sebuah organisasi bertaraf dunia meliputi peningkatan penggunaan teknologi tinggi. *The Navy People* kini memerlukan satu perkhidmatan yang efektif, cepat dan mesra pengguna. Segala urusan harian perlu dilaksanakan dalam konteks yang lebih efektif berkonseptkan maklumat di hujung jari. Semua ini boleh direalisasikan dengan satu mekanisme yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia iaitu kerajaan elektronik. Mengikut definisi Jaeger, P.T dan Thompson, K.M. 2003, kerajaan elektronik atau *electronic government* (EG) ditakrifkan sebagai penggunaan sistem maklumat dan penggunaan teknologi untuk mengambil alih tugas manual.

Kerajaan elektronik merupakan satu perancangan untuk menuju ke arah negara maju yang berkonseptkan sistem pengurusan yang berinformasi sejajar dengan pembentukan dan objektif Wawasan 2020. Pembinaan sebuah negara maju akan menjadikan teknologi maklumat sebagai salah satu nadi pembangunannya dan *The Navy People* perlu mengadaptasikan pembangunan tersebut di dalam pekerjaan sehari-hari. Justeru itu, pelancaran projek mega negara seperti *Multimedia Super Corridor* (MSC) telah dijadikan batu loncatan bagi merealisasikan impian melahirkan sebuah negara dan masyarakat terutamanya *The Navy People* yang bermaklumat. Antara misi utama pelancaran MSC ini adalah pembangunan kerajaan elektronik.

Dalam pelaksanaan kerajaan elektronik atau e-kerajaan dalam sektor perkhidmatan awam dipercayai dapat menambah baik mutu perkhidmatan awam agar lebih sempurna dan berkesan. Di samping itu, ia juga dilihat dapat mewujudkan satu saluran baru bagi meningkatkan penyertaan secara langsung rakyat dalam pengetahuan tentang Angkatan Tentera Malaysia amnya dan TLDM khasnya dengan penubuhan laman sesawang rasmi TLDM iaitu [www.navy.mil.my](http://www.navy.mil.my). Bagi *The Navy People*, penubuhan laman sesawang rasmi TLDM bukan sahaja dapat mendambakan perkhidmatan yang berkesan dan mudah, malahan lebih cepat serta pintar dalam segala urusan. Tambahan pula, dengan pengenalan *e-demand* menggunakan perisian SPIAV3 telah meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesaan dalam perkhidmatan logistik TLDM. Kehendak kepada kemajuan yang memerlukan transaksi dilakukan di hujung jari tanpa pembaziran masa dan tenaga

merupakan permintaan utama *The Navy People* dan ini dapat direalisasikan oleh pembangunan sistem di bawah kerajaan elektronik.



## Pengenalan Laman Web TLDM dan Perisian SPIAV3

Kemajuan teknologi maklumat terbukti berjaya memantapkan keberkesanannya transformasi penyampaian perkhidmatan. Antara elemen yang perlu diberi penekanan bagi menggerakkan dan mencapai pembangunan teknologi maklumat adalah peruntukan kewangan yang mencukupi serta perbelanjaan mengikut *value for money* untuk mendapat teknologi yang bersesuaian dengan perkhidmatan yang disediakan oleh TLDM. Selain itu elemen bagi mewujudkan ruangan komunikasi serta mengintegrasikan fungsi utama dengan proses perancangan laman sesawang tersebut adalah juga perlu dititikberatkan. Inisiatif strategik disediakan bagi memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat. Ianya penting bagi menyediakan statistik yang tepat bagi membantu pihak pengurusan membuat analisis dan menyelesaikan keperluan organisasi. Proses pengemaskinian data mestilah dilaksanakan secara berterusan bagi menjayakan kebolehpercayaan maklumat tersebut.

Kesimpulannya, ketersediaan minda, perlakuan, persekitaran kerja, sistem dan prosedur organisasi juga adalah faktor penentu kejayaan penggunaan teknologi maklumat dalam TLDM bagi mencapai penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Penerapan pengetahuan dan pemantapan kemahiran modal insan melalui program latihan yang komprehensif seiring dengan teknologi semasa menyumbang kepada kecemerlangan penyampaian. Ia juga dapat menjimatkan masa dan tenaga serta kos penggunaan kertas apabila konsep paperless diperkenalkan dan diaplikasikan sepenuhnya.

# KESEJAHTERAAN VETEREN MENERUSI e-MASS

## SOALAN LAZIM BERKAITAN SISTEM e-MASS

S: Saya adalah Pesara Awam Persekutuan/Veteran ATM dan mempunyai seorang anak angkat/tiri. Adakah saya boleh membuat permohonan bagi anak angkat/tiri tersebut?

J: Anak angkat/anak tiri juga merupakan tanggungan yang layak memohon. Namun begitu, anak angkat/ anak tiri tersebut hendaklah diambil secara sah mengikut undang-undang.

S: Anak saya masih menutut di Institusi Pengajian Tinggi. Mengapakah beliau tidak layak Permohonan melalui sistem e-MASS?

J: Pihak JPA hanya akan menanggung anak-anak pesara yang masih menutut di Institusi Pengajian Tinggi sehingga mencapai umur 21 tahun sahaja.

S: Saya adalah seorang pesara. Adakah ibu dan bapa saya turut dikategorikan sebagai tanggungan yang layak memohon pembiayaan melalui Sistem e-MASS?

J: Ibu dan bapa pesara tidak dikategorikan sebagai tanggungan yang layak. Hanya isteri dan anak-anak sahaja yang layak memohon melalui sistem ini.

S: Bolehkah pesara mendapatkan bekalan ubat dari Farmasi Komuniti sahaja?

J: Boleh. Bekalan ubat boleh didapati dari rangkaian Farmasi Komuniti dengan syarat farmasi tersebut telah berdaftar sebagai panel di bawah sistem e-MASS, pesara juga perlu mengemukakan dokumen lengkap supaya proses pendispensan dapat dibuat oleh pegawai farmasi berkenaan.

S: Berapakah tempoh maksimum pembekalan ubatan yang dibenarkan melalui Sistem e-MASS?

J: Tempoh maksimum pembekalan ubatan adalah selama 3 bulan sahaja, pembekalan seterusnya akan dibuat seminggu sebelum bekalan ubat pesara habis.

S: Saya adalah seorang bekas tentera. Adakah saya layak untuk memohon kemudahan perubatan ini?

J: Seorang bekas tentera adalah layak untuk memohon kemudahan perubatan ini sekiranya beliau adalah Veteran ATM. Definisi Veteran ATM adalah Warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepuh masa dan tidak diberhentikan atas alasan salah laku dalam mana-mana angkatan yang berikut:

- a) Angkatan Tentera Malaysia
- b) Angkatan Sukarela ATM yang dikerah sepenuh masa
- c) Force 136
- d) Tentera British yang telah berkhidmat di Malaya atau Singapura
- e) Sarawak Rangers



**e-MASS**

**Pembiayaan  
Bekalan Ubat &  
Alatan Perubatan untuk  
Pesara Awam Persekutuan  
& Veteran ATM**

 **OratisRx**

**ORATIS RX SDN BHD**  
No. 1, Jalan Tukul N15/N,  
Seksyen 15,  
40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Talian e-MASS Careline: 1800-88-6627  
Faksimili: 03-5522 8715  
[www.oratisrx.com.my](http://www.oratisrx.com.my)  
[www.emass.com.my](http://www.emass.com.my)

## e-MASS (Electronic Medical Automation Supply System)

e-MASS merupakan sebuah sistem yang dikendalikan oleh Oratis Rx Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Oratis Services Sdn Bhd) yang berfungsi sebagai perantara bagi memudahkan pesara dan tanggungan yang layak mendapatkan bekalan ubat dan alatan perubatan yang tidak dapat disediakan oleh Hospital / Klinik Kerajaan

Melalui sistem ini, pesara boleh mendapatkan bekalan ubat atau alatan perubatan dari rangkaian Farmasi Komuniti yang telah berdaftar diseluruh Malaysia berpandukan syarat-syarat yang telah ditetapkan

## KENAPA e-MASS?

- Memudahkan proses untuk pesara & tanggungan yang layak mendapatkan perkhidmatan bekalan ubat dan alatan perubatan melalui rangkaian Farmasi Komuniti & Pembekal yang berdaftar dengan Oratis Rx Sdn Bhd dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan
- Tiada pembayaran diperlukan untuk ubat dan alatan perubatan
- Pembayaran akan diuruskan oleh Oratis Rx Sdn Bhd



## SIAPA YANG LAYAK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN e-MASS?

Kategori pesara serta tanggungan yang memohon melalui sistem e-MASS adalah:



- Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan
- Pesara Hakim Mahkamah Tinggi, Rayuan, Persekutuan
- Bekas Ahli Parlimen
- Bekas Anggota Pentadbiran Persekutuan
- Bekas Setiausaha Politik Persekutuan



- Veteran ATM (tertakluk kepada syarat ditetapkan)
- » Angkatan Tentera Malaysia
- » Angkatan Sukarela ATM yang dikerah sepenuh masa
- » Force 136
- » Tentera British yang telah berkhidmat di Malaya atau Singapura
- » Sarawak Rangers



## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Bagi membuat permohonan ubat atau alatan perubatan melalui Sistem e-MASS, pesara perlu mengemukakan dokumen seperti yang tertera di bawah:

Bagi permohonan UBAT :

- i. Borang Perubatan 1/09\*
- ii. Preskripsi yang sah\*

Bagi permohonan ALATAN PERUBATAN :

- i. Borang Perubatan 1/09\*
- ii. Nota Perubatan
- iii. Sebutharga - satu salinan sahaja

\*dikeluarkan dan disahkan oleh Doktor di Hospital / Klinik Kerajaan

## CARA PERMOHONAN BEKALAN UBAT & ALATAN PERUBATAN

 Rangkaian Farmasi Komuniti Berdaftar. Sila hubungi 1-800-88-6627 untuk senarai Farmasi Komuniti berdekatan anda

 Portal e-MASS. Layari [www.emass.com.my](http://www.emass.com.my) dan pilih Portal Pesara

 Emel ke [emass@oratisrx.com.my](mailto:emass@oratisrx.com.my)

 Pos & Kaunter Perkhidmatan Oratis Rx Sdn Bhd di alamat seperti di bawah:  
No. 1, Jalan Tukul N15/N  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam  
Selangor  
Waktu Operasi:  
7.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari

 Faksimili dokumen ke 03-5522 8715

Oleh: PUSMAS TLDM

## **TLDM TERIMA DUA BUAH KAPAL RONDA**

TLDM menerima dua buah kapal ronda baru iaitu KD SRI NEGERI SEMBILAN dan KD SRI MELAKA pada hari ini, 20 Jan 65. Ini adalah kapal ronda yang terakhir dari 10 buah kapal ronda yang ditempah oleh Kerajaan dalam tahun 1961. Kapal ronda ini dibina di Vosper, Portsmouth dan melalui perjalanan sejauh 7,600 batu nautika dari limbungan Portsmouth ke Woodlands, Singapura.

KD SRI NEGERI SEMBILAN dan KD SRI MELAKA dari kelas SABAH masing-masing mempunyai meriam 2 x bofors 40/70mm dan 2 x 7.62mm GPMG dan berkelajuan maksimum 27 knot.

KD SRI NEGERI SEMBILAN ditauliahkan pada 28 Sep 64. KD SRI NEGERI SEMBILAN diletakkan di bawah pemerintahan Markas Armada. Pegawai Memerintah KD SRI NEGERI SEMBILAN yang pertama adalah Lt Kdr Chitharanjan Kuttan TLDM N/400083. Setelah berkhidmat



*20 Januari 1965  
Selasa*

selama 42 tahun, akhirnya kapal ini dilucutkan tauliah pada 27 Jan 06 dan seterusnya diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

KD SRI MELAKA pula dilancarkan pada 25 Feb 64 dan ditauliahkan pada 2 Nov 64. KD SRI MELAKA diletakkan di bawah pemerintahan Markas Wilayah Laut 2. Pegawai Memerintah KD SRI MELAKA yang pertama adalah Laksamana Pertama Dato' V. Ramachandran a/l Viswanathan N/400088. Kapal telah berkhidmat selama 42 tahun dan seterusnya kapal ini dilucutkan tauliah pada 23 Jun 06. Kapal ini akhirnya diserahkan kepada APMM pada 27 Jun 2006 dan dikenali sebagai KM Rumbia yang bertempat di Sandakan.



## **MISI BANTUAN KEMANUSIAAN MANGSA TSUNAMI**

Selepas tragedi Tsunami yang melanda di Wilayah Aceh, Indonesia pada 26 Dis 04, KD MAHAWANGSA ditugaskan dalam misi penghantaran bantuan kemanusiaan oleh kerajaan Malaysia untuk mangsa bencana tsunami yang mengorbankan lebih 100,000 penduduk di Aceh. KD MAHAWANGSA yang berlepas dari Pelabuhan Klang pada 5 Jan 05 selamat tiba di Pelabuhan Krueng Beukuh, Kecamatan Dewantara, Aceh pada 6 Jan 05.

Ketibaan KD MAHAWANGSA disambut baik oleh Timbalan Ketua Misi Pasukan Bantuan dan Kecemasan Malaysia (PBKM), Laksamana Pertama Abdul Hadi bin Abdul Rashid dan Bupati Aceh Utara, Teuku Alamayah Banta. Penyerahan secara simbolik telah dilakukan oleh Pegawai Memerintah KD MAHAWANGSA, Komander Abdul Adib bin Abdul Wahab kepada Laksamana Pertama Abdul Hadi.

Laksamana Pertama Abdul Hadi memberitahu bahawa pihaknya menghadapi kesukaran menghantar barang bantuan ke Banda Aceh kerana jarak yang jauh dan mengambil masa antara enam hingga tujuh jam perjalanan melalui jalan darat. Kecamatan Dewantara adalah

antara Wilayah Aceh Utara yang turut dilanda ombak besar Tsunami dan ia satu-satunya pelabuhan yang dekat dengan Banda Aceh. Misi penghantaran barang bantuan tamat pada 9 Jan 05.

*20 Januari 1965  
Selasa*



# LAWATAN YANG DIPERTUAN AGONG KE PANGKALAN TLDM WOODLANDS

Buat kali pertama selepas Pengishtiharan Perpisahan Malaysia dan Singapura, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Ke-4 iaitu Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III telah melawat Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Intan Zaharah binti Almarhum Tengku Omar Setia Raja.

Baginda turut berkenan mencemar duli memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama yang dilaksanakan di KD MALAYA. Lawatan sehari ini bertujuan memberi pendedahan kepada baginda mengenai kehidupan warga TLDM di Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura. Sepanjang lawatan, Ketua Turus Tentera Laut iaitu *Commodore* K. Thanabalasingam turut mengiringi lawatan kerja sehari baginda.

21 Februari 1968

Rabu



Perbarisan Kawalan Kehormatan Utama oleh iaitu Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III

## KD SRI JOHOR DITAULIAHKAN

Pada hari ini dalam tahun 1968, KD SRI JOHOR telah ditauliahkan. Perintah penubuhan KD SRI JOHOR telah dikeluarkan pada 15 November 1965 oleh *Commodore* Allen Nelson Dollard dan ditauliahkan di Singapura pada 14 Februari 1968 oleh Ketua Turus Tentera Laut pada ketika itu iaitu *Commodore* K. Thanabalasingam. Nama panggilan antarabangsa yang digunakan ialah 9MLT dengan nombor pennant 49.

KD SRI JOHOR merupakan sebuah kapal ronda 'Kris Class' dari Skuadron *Patrol Craft* (PC) Ke-13. Ia dibina di Limbungan Vosper Limited Portsmouth, England pada tahun 1966. KD SRI JOHOR berpangkalan di Sandakan bersama KD SRI PERLIS iaitu antara dua buah kapal kelasnya yang masih dikekalkan dalam perkhidmatan

TLDM.

14 Februari 1968

Rabu

KD SRI JOHOR merupakan satu aset yang sangat bernilai bagi anggota PSSTLDM kerana kedua-dua buah kapal merupakan platform latihan yang terbaik untuk anggota PSSTLDM menimba ilmu terutamanya ilmu kelautan. Berlanjutan dengan penempatannya di Sandakan, penugasan operasi dan senggaraan KD SRI JOHOR diletakkan di bawah naungan Markas Wilayah Laut 2 manakala hal yang berkaitan dengan sumber manusia dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Simpanan, Markas Tentera Laut.



KD SRI JOHOR

# PENUBUHAN HQ COMMANDER NAVAL FORCES WEST MALAYSIA (COMNAV WEST)



Pada hari ini dalam tahun 1965, *Headquarters for Commander Naval Forces West Malaysia (COMNAV WEST)* yang berpangkalan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Woodlands, Singapura telah ditubuhkan. Kawasan tanggungjawab operasi *Commander Naval Forces West Malaysia* ialah merangkumi keseluruhan Laut China Selatan yang terletak di barat dari garis bujur 104 darjah timur dan juga pangkalan di Woodlands, Singapura. Tugas utama Markas ini ialah mengendali semua aset untuk tugas mempertahankan Laut China Selatan di bawah tanggungjawab operasinya. Sebelum tertubuhnya perjawatan Panglima Armada, *Commander Naval Forces West Malaysia* merupakan pegawai atasan yang bertanggungjawab ke atas pertahanan perairan Semenanjung Malaysia keseluruhannya.


Setelah beroperasi selama 20 tahun dengan mengharungi pelbagai peristiwa dan insiden terutamanya semasa era konfrontasi. Markas ini merupakan pangkalan utama untuk mengoperasikan aset TLDM iaitu sebahagian besar kapal peronda bagi mengawal perairan Selat Melaka dan Selat Singapura. Setelah keputusan Singapura untuk tidak bersama dalam penubuhan Malaysia, pihak Tertinggi TLDM telah merancang untuk mewujudkan pangkalan baru di Lumut, Perak dan Kuantan, Pahang.

Markas COMNAV WEST telah berpindah ke Tanjung Gelang, Kuantan dan dikenali sebagai Markas Wilayah Laut 1. Pada 28 Okt 85, Markas Wilayah Laut 1 di Tanjung Gelang, Kuantan telah dirasmikan pembukaannya oleh DYMM Sultan Pahang, Sultan

Haji Ahmad Shah. Markas Wilayah Laut 1 sebelum ini juga dikenali dengan nama-nama lain seperti 'Markas Kapten KD MALAYA', 'Naval Office in-charge West Malaysia' (NOICWM) dan 'Commander Naval Force West Malaysia' (COMNAV WEST). Markas ini bertanggungjawab ke atas semua kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia yang berpangkalan di situ.



Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Woodlands, Singapura



Jeti Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodlands, Singapura

## PENTAULIAHAN KD PARI



KD PARI telah dinauliahkan pada hari ini iaitu pada 23 Mac 77. Nama panggilan antarabangsa yang digunakan untuk KD PARI ialah 9MJO dengan nombor *pennant* 3510. KD PARI merupakan kapal yang dibina untuk Tentera Laut Diraja Malaysia bagi menjalankan tugas rondaan di kawasan perairan terbuka.

Kapal ini dibina oleh Hong Leong Lurssen Ship Yard Company Limited (HLLSYCL) di Butterworth, Pulau Pinang dengan menggunakan teknologi negara Jerman.

TLDM telah menempah sebanyak enam buah kapal dari HLLSYCL iaitu KD JERONG, KD BAUNG, KD PAUS, KD YU, KD TODAK dan KD PARI. Penempahan kapal-kapal ini adalah untuk menggantikan Kapal Ronda Kelas KEDAH yang telah usang yang dibina pada tahun 1960-an.

Kapal ini direka untuk menjalankan operasi dalam tempoh masa yang lama di kawasan tropika. Di awal perkhidmatannya, TLDM meletakkan KD PARI dalam Skuadron 45 FAC (*Fast Attack Craft*).

Namun skuadron ini lebih dikenali di kalangan warga TLDM sebagai *Seafood Skuadron* kerana nama keenam-

enam kapal skudron ini adalah bersempena nama ikan. Kapal ini juga dikenali sebagai Kelas JERONG mengambil sempena kapal pertama yang dibina ialah KD JERONG. Setelah hampir 30 tahun berkhidmat, kapal-kapal *Seafood Skuadron* tidak lagi berupaya melaksanakan fungsi asal disebabkan keusangan peralatan serta sistem persenjataannya.



## PENTAULIAHAN KD PANGLIMA

Menyingkap sejarah KD PANGLIMA yang bermula apabila kapal berkenaan telah dilancarkan di limbungan *Messrs United Engineers Ltd* dalam tahun 1954. Seterusnya, kapal tersebut telah dinauliahkan sebagai HMS PANGLIMA oleh *Black Lady* (isteri Gabenor Singapura Sir Robert Black) pada 14 Jan 56. Kapal ini merupakan kapal ketiga yang menggunakan nama PANGLIMA dalam Armada Tentera Laut Diraja British. Kapal tersebut telah dilengkapi dengan peralatan yang lebih baik dan moden berbanding dua buah HMS PANGLIMA sebelumnya. Ia telah dilengkapi dengan peralatan seperti sonar dan radar. Kelajuan maksimum kapal ini ialah 15 knot dengan jarak 3000 batu nautika dan berperanan membendung aktiviti perlanungan dan penyeludupan di sekitar Selat Singapura.

KD PANGLIMA kemudiannya diserapkan ke Armada TLDM apabila Singapura menyertai Malaysia pada tahun 1963. Upacara penyerahan telah diadakan di Teluk Ayer Basin pada 22 Sep 63 sebelum dinauliahkan ke dalam TLDM.

Pada hari ini dalam tahun 1964, KD PANGLIMA telah dinauliahkan dalam Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). KD PANGLIMA merupakan sebuah kapal ronda persisir pantai (Inshore Patrol Boat). Setelah dinauliahkan semula ke dalam TLDM, nama kapal HMS PANGLIMA telah ditukarkan kepada KD PANGLIMA. Walau bagaimanapun, setelah Singapura dipisahkan daripada Malaysia dan membentuk Republik Singapura pada tahun 1965, KD PANGLIMA telah diserahkan kepada Pasukan Sukarela Tentera Laut Singapura dan ditukarkan nama kepada RSS PANGLIMA. RSS PANGLIMA merupakan perintis kepada Armada Tentera Laut Singapura bersama dua buah lagi kapal iaitu RSS SINGAPURA dan RSS BEDOK. Setelah berkhidmat dengan cemerlang selama 36 tahun, akhirnya RSS PANGLIMA telah ditamatkan perkhidmatannya daripada perkhidmatan aktif Tentera Laut Singapura pada 9 Jul 91 di Pangkalan Tentera Laut Singapura Brani, Singapura.

23 Mac 1977  
Rabu

11 April 1965  
Sabtu



## SUKARELAWATI TLDM PENGAMBILAN PERTAMA DI ATAS KD SRI KELANTAN



Sejarah pengambilan Sukarelawati TLDM bermula pada tahun 1972, apabila Majlis Angkatan Tentera bersetuju untuk menubuhkan Kor Wanita dalam Angkatan Tentera. Cadangan awal daripada bahagian Tentera Laut ialah untuk menempatkan 30 orang sukarelawati di KD SRI PINANG (5 Pegawai dan 25 LLP), manakala 20 orang ditempatkan di KD SRI KLANG. Setelah pemilihan dibuat, seramai 48 orang wanita telah diambil dalam pemilihan pertama di KD SRI PINANG dan KD SRI KLANG pada Januari 1973. Antara calon yang diterima masuk sebagai sukarelawati TLDM ialah Hanizah binti Mohd Sidek, Normah binti Ismail, Tang Wei Yee, Sumathi Pillai, Rohana binti Hashim, Sabariah binti Ismail, Balbir Kaur



Sebahagian Sukarelawati TLDM Pengambilan Pertama

dan Yew Kan Wooi.

Pada hari ini dalam tahun 1973, buat pertama kalinya sukarelawati TLDM menjalani latihan penyesuaian di atas Kapal Ronda KD SRI KELANTAN. Mereka dibahagikan kepada 2 bahagian dan belayar dari Pelabuhan Klang untuk menjalani fasa latihan di laut selama beberapa jam untuk belajar mengenai navigasi dan pelayaran.

Kesemua anggota sukarelawati ini telah diberikan latihan praktikal dan teori yang merangkumi kawad, tugas-tugas pejabat, Undang-undang Ketenteraan, semboyan dan stor. Latihan ini diadakan mulai 5.30 petang hingga 6.30 petang pada setiap Selasa dan Jumaat bagi setiap minggu selama 6 bulan. Sepanjang latihan diadakan, mereka dibayar eluan perjalanan dan wang saku sebanyak RM1.40 seminggu. Sehingga 30 Sep 73, empat daripada sukarelawati kumpulan pertama tersebut telah dilantik sebagai pegawai. Mereka adalah Lt Muda Siti Esihah binti Saad dan Lt Muda Normah binti Ismail dari KD SRI PINANG, manakala Lt Muda Maimunah binti Arshad dan Lt Muda Ainin binti Abd Rahman pula dari KD SRI KLANG.

## PENTAULIAHAN KD TAHAN



Pada hari ini dalam tahun 1966, KD TAHAN ditauliahkan ke dalam perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan nombor pennant M1163. KD TAHAN asalnya adalah Kapal Penangkis Periuk Api Tentera Laut Diraja British atau Royal Navy (RN) yang dikenali sebagai HMS LULLINGTON.

Pembinaannya dimulakan pada 20 Okt 54 oleh Meissrs Harland and Wolff Ltd di Belfast, Ireland Utara. Kapal ini dinamakan sebagai KD TAHAN

sempena nama gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia iaitu Gunung Tahan.

Tugas utama KD TAHAN adalah menangkis periuk api di perairan negara. Kapal ini banyak terlibat dalam tugas operasi dan latihan-latihan bersama tentera-tentera laut asing mahupun dengan kapal-kapal TLDM sendiri. Pegawai Memerintah KD TAHAN pertama iaitu Leftenan Mohd Zain bin Mohd Salleh dinaikkan ke pangkat Leftenan Komander TLDM pada tarikh yang sama.



# BEBASKAN TEBUSAN DITAWAN LANUN LT KDR AKHBAR PERTARUH NYAWA

Oleh: Lt Nor Melissa binti Yayanto TLDM, Cawangan Publikasi MRTL

**Dalam keadaan malam yang gelap dan keadaan laut bergelora, keadaan bertambah sukar apabila beliau mendapati terlalu banyak kapal yang ditawan lanun Somalia berada di Eyl sehingga sukar untuk beliau mengenal pasti lokasi sebenar BUNGA MELATI DUA...**



Insiden rampasan dua buah kapal *tanker* milik Syarikat Perkapalan MISC oleh lanun Somalia di Perairan Teluk Aden pada tahun 2008 telah menggemparkan dunia amnya dan Malaysia khasnya. Namun apa yang lebih menggemparkan dunia pada ketika itu adalah Malaysia berjaya membebaskan dua buah kapal tersebut dan menyelamatkan 80 tebusan tanpa melibatkan pertumpahan darah.

Kejadian ini berlaku pada 19 Ogos 08 apabila BUNGA MELATI DUA (BM 2) yang membawa muatan minyak kelapa sawit seberat 32,025 tan dalam pelayaran ke Rotterdam, Belanda telah dirampas oleh sembilan lanun yang dilengkapi dengan senjata jenis AK-47 dan *rocket propelled grenades* menaiki dua buah *skiff*. Seramai 39 krew yang terdiri daripada 29 orang rakyat Malaysia dan 10 orang rakyat Filipina termasuk seorang dari krew rakyat Filipina yang telah terbunuh iaitu Jayson Dumagat telah ditahan sebagai tebusan dan kapal tersebut dibawa ke Eyl, pantai timur Somalia.

Seterusnya pada 29 Ogos 08 iaitu sepuluh hari selepas insiden rampasan pertama, sebuah lagi kapal *tanker* milik MISC iaitu BUNGA MELATI LIMA (BM 5) yang membawa bahan kimia dalam pelayaran ke Singapura turut dirampas oleh lanun Somalia. Seramai 41 krew yang terdiri daripada 36 orang rakyat Malaysia dan 5 orang rakyat Filipina cuba meng gagalkan cubaan rampasan

namun usaha mereka menemui kegagalan. Lanun Somalia yang dilengkapi dengan senjata jenis AK-47, bom tangan, *shotgun* dan pistol 9mm berjaya merampas kapal dan 41 krew yang menjadi tebusan diletakkan di *Radio Room*.

Op FAJAR diaktifkan di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara No 18 iaitu menangani krisis keganasan maritim. Operasi ini diketuai oleh Panglima Armada iaitu Laksdy Dato' Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin sebagai Ketua Angkatan Tugas 30 (KAT 30) dan Panglima Wilayah Laut 3 iaitu Laksma Abdul Ghani bin Othman selaku Ketua Gugus Tugas 30.0 (KGT 30.0) bersama mula mengatur gerak dan merancang strategi bagi menawan kembali kedua-dua buah kapal milik MISC tersebut.

Lt Kdr Mohd Akhbar bin Mohd Yusof TLDM yang pada ketika itu bertugas sebagai Ketua Tim Risik Gempur di KD PANGLIMA HITAM, Unit 1 PASKAL turut terlibat. Beliau bersama 1 x Tim Risik Gempur dan 1 x Tim Gempur PASKAL telah diatur gerak dari Jeti Operasi Pangkalan TLDM Lumut ke Kawasan Operasi Maritim (KOM) bersama KD LEKIU dan pesawat Super Lynx pada 29 Ogos 08. Operasi khas ini turut melibatkan bantuan elemen ATM yang lain seperti KD SRI INDERAPURA, pesawat Fennec, pesawat NURI, Grup Gerak Khas (GGK), Tim Perubatan dan Tim Psikologi. Menurut beliau, pelayaran KD LEKIU ke KOM amat mencabar

kerana ia berlaku dalam bulan Ramadan. Keadaan laut yang bergelora di perairan Laut Arab sehingga mencecah ke *sea state* 7 di samping faktor cuaca yang tidak menentu amat menguji kesabaran beliau. Sepanjang pelayaran, beberapa perancangan taktikal giat dibincangkan antara pihak ATM dan MISC dan beliau telah diamanahkan untuk membuat rundingan akhir dengan lanun Somalia di kedua-dua kapal tersebut.

Setibanya KD LEKIU di KOM, kapal diarahkan untuk berada 20 batu nautika daripada BM 5. Beliau menaiki sebuah bot penyamaran bersama BM PPP (PKL)

Nasarudin dengan berpakaian biasa menuju ke BM 5. Bot yang membawa mereka juga turut diarahkan berundur jauh daripada kapal tersebut. Mereka bersama Kepten BM 5 berbincang dengan ketua lanun Somalia di atas dek kapal dan dikelilingi oleh 30 orang lanun Somalia yang dilengkapi dengan pelbagai senjata menghalau arah mereka. Bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku, beliau menggunakan kebijaksanaan dengan menyatakan beliau hanya mahu berbincang dengan ketua lanun sahaja kerana dikhawatir mereka akan bertelagah sesama sendiri dan membahayakan nyawa tebusan yang lain. Akhirnya Ketua Lanun Somalia bersetuju dan berada di atas dek kapal bersama seorang jurubahasa. Jurubahasa tersebut merupakan seorang guru di Somalia namun bertukar kerjaya akibat desakan hidup di Somalia.

Setelah rundingan selesai, Lt Kdr Akhbar meminta lanun meninggalkan BM 5 dengan kadar segera namun lanun meminta tempoh selama satu jam untuk berundur selepas beliau meninggalkan kapal. Mereka tidak mahu Tentera Malaysia menggempur dan membunuh kumpulan mereka seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Sekali lagi rundingan dilaksanakan dan akhirnya beliau bersetuju dengan permintaan mereka setelah mendapat *green light* daripada KGT 30.0. Beliau menghubungi bot untuk mengambil mereka dan memberi masa selama satu jam untuk lanun Somalia berundur meninggalkan BM 5. Manakala di KD SRI INDERAPURA, Tim Gempur telah bersiap sedia untuk menggempur BM 5.

Setelah satu jam, Tim Gempur Utama diatur gerak terlebih dahulu oleh pesawat daripada KD SRI INDERAPURA ke BM 5 bagi mengelakkan kapal tersebut ditawan semula oleh lanun Somalia. Sejurus kemudian, pasukan permukaan dan pasukan bantuan juga mula tiba di kapal tersebut dan memberikan bantuan kepada mangsa tebusan.

Keesokan harinya, beberapa minit selepas Maghrib, kedengaran pengumuman untuk semua tim bersiap sedia untuk diaturgerakkan. Hanya sempat menjamah beberapa suapan untuk berbuka puasa, semua tim membuat persiapan untuk membebaskan BM 2.

Perbincangan pada kali ini agak mencabar kerana rundingan dilaksanakan pada waktu malam dan lanun mengarahkan agar tidak ada sebarang pesawat berada di KD SRI INDERAPURA kerana kapal pada waktu itu berada lebih kurang lima batu nautika daripada BM 2.

Penyamaran terpaksa dilakukan dengan menyimpan pesawat Super Lynx di dalam hangar KD LEKIU, pesawat NURI di flight deck KD LEKIU manakala pesawat FENNEC ditutup di flight deck KD SRI INDERAPURA. Lt Kdr Mohd Akhbar ditemani oleh BM PPP (PKL) Nasarudin sekali lagi diamanahkan untuk membuat rundingan akhir dengan lanun Somalia di BM 2.

Dalam keadaan malam yang gelap dan keadaan laut yang bergelora, keadaan bertambah sukar apabila beliau mendapati terlalu banyak kapal yang ditawan lanun Somalia berada di Eyl, Somalia sehingga sukar untuk beliau mengenal pasti lokasi sebenar BM 2. Setibanya di BM 2, selesai menjalani *body search*, mereka dibawa ke *radio room* untuk proses rundingan. Beliau turut melihat krew BM 2 yang ditawan oleh lanun Somalia berada di *bridge*.

Proses rundingan bermula apabila Lt Kdr Akhbar memaklumkan beliau hanya akan berunding dengan ketua dan pembantunya sahaja. Ketua Lanun Somalia mengesyaki beliau adalah anggota tentera namun beliau memperkenalkan dirinya sebagai seorang *consultant* yang ditugaskan untuk membuat rundingan akhir serta membebaskan kapal dan tebusan. Proses rundingan berjaya mencapai kata sepakat dan lanun Somalia bersetuju untuk meninggalkan BM 2.

Namun berlaku suatu insiden apabila *skiffs* yang dirancang membawa lanun Somalia keluar dari kapal mengalami kerosakan enjin dan mereka meminta BM 2 merapat ke MV BRIGHT RUBY iaitu kapal *tanker* Korea Selatan yang turut ditawan oleh lanun Somalia. Lt Kdr Akhbar memaklumkan kejadian tersebut kepada KGT 30.0 di KD SRI INDERAPURA dan KAT 30 di Putrajaya namun permohonan lanun tersebut ditolak disebabkan pelbagai kemungkinan buruk boleh berlaku.

Situasi tersebut menjadikan keadaan bertambah tegang dan lanun Somalia mula meningkatkan pengawasan mereka terhadap Lt Kdr Akhbar dan rakannya. Memahami keadaan yang tidak berpihak



BUNGA MELATI DUA merupakan antara kapal yang pernah ditawan oleh Lanun Somalia pada tahun 2008



kepada mereka, akhirnya Lt Kdr Akhbar berbincang bersama Kepten BM 2 mengenai kelajuan maksimum kapal dan mereka bersetuju dengan permintaan lanun Somalia untuk merapat ke MV BRIGHT RUBY.

Sebaik sahaja merapat, lanun Somalia mula bergerak keluar seorang demi seorang dan apabila lanun terakhir meninggalkan kapal, kepten kapal mengarahkan *full throttle* tanpa pandang ke belakang. BM 2 belayar menuju ke titik kumpul dan Tim Gempur terus menuju ke kapal tersebut dan mengambil alih kapal, Pakar Bom membuat pemeriksaan rapi ke atas kapal dan Tim Perubatan dan Psikologi memeriksa kesihatan dan menenangkan warga kapal termasuk seorang isteri kepada *Chief Engineer* kapal tersebut yang mengalami trauma akibat insiden tersebut. Manakala seorang krew kapal yang terbunuh akibat terkena peluru sesat dijumpai disimpan di dalam *freezer* bersebelahan ikan.

Setelah enam minggu ditawan oleh lanun Somalia, BM 2 dibebaskan dan menuju ke Djibouti bersama BM 5, KD LEKIU dan KD SRI INDERAPURA. Setibanya di Djibouti, keempat-empat kapal disambut oleh Duta Malaysia di Yemen, CEO MISC, Panglima Armada dan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara.

Lt Kdr Akhbar menyifatkan kejadian ini antara kejadian yang bermakna sepanjang perkhidmatan beliau dalam TLDM. Beliau yang bertugas sebagai Ketua Tim Risik Gempur bertanggungjawab dalam menyalurkan maklumat kepada Tim Gempur sebelum Tim Gempur merempuh masuk sekiranya diarahkan untuk bertempur.

Selain itu juga, beliau turut memainkan peranan yang penting dalam mengetuai proses rundingan dengan pihak musuh. Beliau turut mengalu-alukan pembaca SAMUDERA terutamanya anggota TLDM untuk menyertai PASKAL. Menurut beliau, sesiapa yang ingin menyertai PASKAL perlu mempunyai keupayaan mental dan fizikal yang mantap seiring dengan pepatah yang beliau pegang sehingga kini iaitu "Jiwa Mesti Kental, Mental Jangan Koyak" kerana PASKAL sentiasa "*We Are Looking For A Few Good Men To Be Our Brother-In-Arm*".

KD LEKIU semasa misi di Teluk Aden pada tahun 2008

ROYAL MALAYAN NAVY

# SAMBUTAN HARI TLDM Dekad 50an dan 60an

Oleh: CPORM Ali bin Abdullah

11 Mei 58 – Hari Ulangtahun TLDM ke-10 (1)

Sepuluh tahun selepas *Malayan Naval Force* (MNF) ditubuhkan, buat julung kalinya orang ramai dari keduanya belah Tambak Johor - Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu berpeluang melawat pangkalan dan kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaya (TLDM).

Beberapa hari sebelumnya, atau seawal bulan April, akhbar-akhbar tempatan seperti *The Straits Times*, *The Singapore Free Press* dan Berita Harian silih berganti membuat hebahan untuk mempelawa orang ramai datang berkunjung untuk berinteraksi dan mengenali dari dekat kehidupan anggota TLDM.

Disebabkan tidak ramai yang memiliki kenderaan sendiri, dan untuk melancarkan pergerakan trafik, TLDM telah menyediakan bas untuk membawa pengunjung dari dua pintu masuk. Dari sebelah timur iaitu di Sembawang, bas disediakan di pintu gerbang *Canberra Gate* manakala dari sebelah barat iaitu Woodlands, bas mengambil pengunjung di perkarangan *Rotherham Gate*. Untuk pengunjung yang memilih *Ruthenia Jetty* sebagai destinasi pertama, mereka tidak memerlukan pengangkutan kerana jarak antara *Rotherham Gate* dan RJ hanya sekitar 250 meter.

Bermula dari jam 10 pagi, orang ramai mula membanjiri Pangkalan TLDM Woodlands iaitu HMMS MALAYA dan *Ruthenia Jetty*.

Di *Ruthenia Jetty*, kapal HMMS MALAYA dan HMMS PELANDOK adalah dua buah kapal terbesar TLDM era itu turut dibuka untuk lawatan. Pelawat juga diberi kesempatan belayar selama lebih kurang 40 minit menyusuri Selat Johor dengan beberapa buah bot ronda TLDM jenis *Seaward Defense Motor Launches* (SDML).

Di *drill shed* pangkalan TLDM yang juga menggunakan nama HMMS MALAYA, pengunjung dipertontonkan dengan perlawanan hoki geladak dan bola keranjang. Di sebelah belakang *drill shed*, dan di atas kawasan lapang berumput, orang dewasa, remaja dan kanak-kanak dihiburkan dengan ‘permainan’ *funfair*.

Pengunjung turut dibawa melawat *dormitory* untuk melihat kemudahan dan keselesaan berek kediaman tiga tingkat yang tersergam indah di lereng bukit menghadap Selat Tebrau.





Kemuncak perayaan ulangtahun ke 10 pada hari itu diakhiri dengan upacara menurunkan bendera (*sunset*) di mana para pengunjung berpeluang menyaksikan adat dan tradisi yang diamalkan setiap hari di pangkalan TLDM. Kalau pada hari biasa, hanya tiupan *Bugle* atau *Bosun Pipe* yang mengiringi penurunan bendera tapi pada hari itu upacara menurunkan bendera diiringi dengan *Beating the Retreat march* oleh anggota TLDM dan irungan musik dari pancaragam *Royal Marines*.

(Hari ulangtahun kelahiran TLDM Ke-10 yang diceritakan di atas merupakan hari ulangtahun terakhir yang diraikan pada 11 Mei kerana mulai tahun 1959 sambutan ulangtahun diadakan pada 1 Julai sempena penyerahan TLDM oleh Kerajaan Singapura kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Julai 1958).

**Fast Forward 1 Jul 68 – Hari Ulangtahun TLDM ke-10 (2)**

Pada hari itu, penulis yang sedang berkursus LRRM (Q) turut mengambil bahagian dalam perbarisan di padang kawad KD MALAYA.

Seperti juga sambutan ulangtahun ke-10 (pertama) TLDM yang diadakan pada 11 Mei 58, sambutan ulang tahun ke-10 (kedua) yang diadakan pada 1 Jul 68 tidak jauh berbeza. Perbezaan yang ketara hanyalah dari jenis dan jumlah kapal yang boleh dipertontonkan dan dilawati.

Di sebelah malam, tayangan filem percuma diadakan di *drill shed*. Selepas tayangan filem, anggota dan keluarga TLDM dihiburkan dengan lawak jenaka dan nyanyian oleh artis jemputan. Antara yang turut menyerikan suasana malam itu ialah biduan S.M. Salim.

Perayaan hari TLDM berakhir pada jam 12 malam.

**Fast Forward 1 Jul 69 – Hari Ulangtahun TLDM ke-11**

KD SRI TERENGGANU diarah untuk bertambat di Jeti Kuala Kedah untuk dipertontonkan dan dikunjungi oleh penduduk tempatan. 18 orang anak kapal termasuk dua orang senior

rates bergilir-gilir meneman dan memandu pengunjung melawat setiap sudut kapal dari mes hadapan, bilik jentera dan mes belakang.

**Masa Tidak Merubah Segalanya**

Walaupun terdapat jurang perbezaan dari segi aset antara *Navy Dulu* dan *Navy Kini*, namun cara ianya dirayakan tidak jauh berbeza. Kalau *Navy Dulu* menutup sambutan dengan *Beating the Retreat*, begitulah juga dengan *Navy Kini*.

Sebelum pencoret ini *Beating the Retreat*, izinkan saya menukilkan sepotong ayat dalam Bahasa Inggeris:

***You can take the man out of the Navy but you can never take the Navy out of the man.***



Pengunjung menaiki tangga dari kawasan *quarterdeck* menuju barek kediaman *junior rating* (Blok A dan B)



Kawalan di tengah padang menghadap tiang bendera di *quarterdeck* manakala sebelah kanan adalah *band* pengiring dari *Royal Marines* menunggu upacara *Sunset Ceremony*





**LK PLM Mohd Shahrim bin Zainundin  
sedang melaksanakan *mine hunting diving*  
di Pulau Payar, Kedah pada 19 Jan 16**

Foto: Lt Mohamad Khairul Anuar bin Md Halim TLDM



**“Selamat menyambut Hari TLDM Ke-82 kepada *the Navy People*. Semoga TLDM sentiasa siap siaga dan perairan Malaysia terpelihara dari sebarang ancaman hendaknya.”**

Lt Kdr Nasrul Hadi bin Abdul Rahman  
TLDM dan keluarga  
Naval Staff College Class of 2016  
Newport, Rhode Island  
USA



**“Saya mengucapkan selamat menyambut Hari TLDM Ke-82 kepada semua warga TLDM. Semoga *the Navy People* sentiasa mengekalkan disiplin, bekerjasama dan taat setia dengan pemerintahan tertinggi TLDM untuk mencapai *World Class Navy*. Sedia Berkorban!”**

LK I PAP Abdul Aziz Abas  
C Squadron Komposit  
Kem Marakah  
MALBATT 850-3  
LUBNAN



**“Salam dari kami. Kami serta keluarga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari TLDM Ke-82, semoga TLDM terus cemerlang dan sentiasa gagah di samudera raya. Semoga perjuangan ini mendapat lindungan dan rahmatNya, Sedia Berkorban.”**

Lt Kdr Mohamed Hafez bin Mohamed Dali TLDM and Lt Kdr Kenneth Wong Ka Loon TLDM  
Naval Command College,  
Nanjing, China



**“Salam hormat dari saya dan keluarga, selamat menyambut Hari TLDM Ke-82 kepada seluruh warga TLDM. Moga menjadi harapan agar TLDM terus dinamik, berani dan gagah dalam mempertahankan tanahair serta ibu pertiwi yang tercinta. Sedia Berkorban.”**

Lt Kdr Mohd Nahar bin Othman TLDM  
Penolong Penasihat Pertahanan  
Kedutaan Besar Malaysia  
No 58, Mahathma Gandhi Caddesi  
Gaziosmanpasa, 06700 Ankara  
Republik Turki

**“Selamat menyambut Hari TLDM Ke-82 kepada semua warga TLDM tidak kira bertugas di Malaysia atau di luar. Semoga warga TLDM akan sentiasa menjadi anggota yang berdaya saing dan sentiasa menjadi yang terbaik di kalangan terbaik. Juga tidak lupa untuk semua Veteren TLDM yang telah berusaha keras demi memastikan keamanan kekal sehingga kini. Terima kasih!”**

LK I PAP Muhammad Hafiz bin Zakaria  
UNP 2-1 Kem Marakah  
LUBNAN



**“Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Ulang Tahun TLDM Ke-82 bagi seluruh warga TLDM. Semoga TLDM terus kekal berjaya dan sentiasa disegani oleh perkhidmatan yang lain dalam kejayaan yang dikecapi. Didoakan juga agar Allah senantiasa menzahirkan kesihatan dan kebaikan kepada warga the Navy People agar kekal positif untuk terus berbakti kepada Nusa dan Bangsa amnya dan TLDM khasnya.”**

Lt Kdr Nur Mohamad Firdaus bin Ramli TLDM  
G2 and G3 Team Site 508-Shabunda  
Democratic Republic of Congo

# MEMAHAMI KETAGIHAN BERJUDI ATAS TALIAN & UNTUK PENAGIH

## Tarikan Berjudi Atas Talian

Berjudi atas talian kini semakin popular, dianggarkan terdapat sebanyak 1,700 laman perjudian di Internet. Selain melalui Internet, seseorang boleh berjudi melalui set televisyen interaktif dan juga telefon bimbit. Apa yang menarik mengenai bentuk perjudian ini adalah cara yang mudah untuk mendaftar akaun serta pelbagai jenis permainan judi yang boleh didapati. Faktor-faktor lain yang menarik minat ramai untuk berjudi di atas talian yang membawa kepada ketagihan adalah:

- Kebolehan untuk berjudi 24 jam sehari dari rumah sendiri
- Risiko pendedahan yang tinggi serta akses kepada kanak-kanak
- Keasyikan menggunakan komputer, menyebabkan kelekaan ketika berjudi dalam masa yang panjang
- Pemain judi boleh lupa yang mereka sedang menghabiskan duit akibat kekurangan persepsi nilai wang ketika berjudi di atas talian

Masalah-masalah yang timbul akibat ketagih judi boleh merosakkan hubungan antara individu, kekeluargaan dan juga memusnahkan kerjaya. Antara tanda-tanda seseorang menjadi ketagih kepada aktiviti judi termasuk:

- Menghabiskan lebih banyak masa dengan berjudi
- Lebih kerap membuat pertaruhan menggunakan lebih banyak wang
- Berasa gelisah dan senang marah ketika cuba untuk berhenti berjudi
- Cuba menebus kekalahan dengan pertaruhan yang lebih besar nilainya
- Hilang kawalan diri walaupun sedar tentang akibat buruk perjudian
- Di dalam kes yang berat, masalah kewangan dan undang-undang, kehilangan pekerjaan dan juga kejadian bunuh diri

## Tanda-tanda Awal

Kelakuan seseorang yang suka berjudi akan berubah mengikut masa, mereka akan menghabiskan lebih banyak masa di atas talian dan mengumpul hutang untuk menampung tabiat mereka. Antara tanda-tanda amaran awal ketagihan berjudi di atas talian adalah:

- Lebih banyak masa yang dihabiskan untuk berjudi berbanding untuk aktiviti lain.



- Merasa keseronokan apabila menjumpai lawan perjudian yang baru atau sentiasa mengubah jadual peribadi agar dapat berjudi lebih lama.
- Merasakan bahawa perubahan kepada aktiviti judi akan membawa untung.
- Saiz pertaruhan menjadi lebih besar. Ini selalunya menandakan seseorang ingin menebus kekalahan terdahulu.
- Bercakap besar apabila menang dan dapat menebus kekalahan adalah tanda-tanda yang jelas seseorang menjadi ketagih. Mereka sentiasa inginkan pengiktirafan dan perlu menunjukkan bahawa mereka lebih bagus yang membawa kepada sifat riak dengan jumlah wang yang mereka ada. Bagi seseorang yang berjudi secara sosial dan tidak ketagih, mereka mungkin akan bercakap tentang kemenangan di meja judi tetapi mereka tidak berasa perlu untuk mengulangi pencapaian itu atau bercakap besar.
- Berjudi di atas talian apabila ada krisis atau berasa tertekan.
- Tidak hadir ke tempat kerja atau tidak menunaikan tanggungjawab di rumah tanpa sebab, terutama sekali jika seseorang itu cuba menyembunyikan aktiviti beliau ketika di atas talian.
- Perubahan sikap atau angin dengan tiba-tiba. Seseorang yang ketagih berjudi di atas talian akan berasa sangat gembira apabila menang besar dan sangat sedih apabila kalah. Ada masanya sikap mereka boleh berubah hanya dengan berfikir tentang sesi berjudi yang seterusnya.
- Menyembunyikan wang, pinjaman secara rahsia, pengeluaran wang dari akaun keluarga yang luarbiasa atau tidak mengikut jadual biasa serta urusan kewangan yang mencurigakan adalah antara tanda-tanda seseorang berjudi untuk menebus kekalahan. Selalunya, mereka akan menipu jika "tertangkap" melakukan salah satu perbuatan tersebut.

Bagaimana untuk menghentikan tabiat berjudi jika kemungkinan untuk berbalik (relapse) adalah dengan satu klik sahaja?

Seperti program untuk mengatasi masalah ketagihan lain, seseorang perlu belajar untuk membuat pilihan penggunaan Internet yang lebih positif kerana mungkin agak mustahil untuk tidak menggunakan teknologi tersebut pada zaman sekarang. Berikut adalah dua prinsip asas yang boleh diamalkan:

**Prinsip Pertama:** Belajar cara penggunaan Internet yang betul secara sederhana.

**Prinsip Kedua:** Menghentikan akses ke semua laman perjudian.

Untuk menangani masalah sikap yang dikaitkan dengan ketagihan berjudi atas talian, seseorang itu perlu belajar semula cara-cara untuk menggunakan Internet dengan berhemah dan menetapkan beberapa objektif untuk dicapai seperti pengurangan masa yang dihabiskan di atas talian, mengawal tabiat berjudi di atas talian, menyelesaikan masalah kewangan dan menambahkan masa melakukan aktiviti lain di luar talian.

## Masalah Kewangan

Untuk membantu kaki judi untuk menyelesaikan masalah



kewangan mereka, terdapat enam strategi yang boleh menjadi panduan untuk menguruskan hutang.

- Mengkaji semula semua hutang untuk memastikan jumlah yang perlu dibayar untuk setiap pinjaman yang dibuat. Jika terdapat pertikaian, hubungi pemberi hutang untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.
- Hubungi pemberi hutang sekiranya terdapat kesulitan untuk menyelesaikan pinjaman dan cuba untuk mengatur semula jadual bayaran yang lebih sesuai.
- Membuat bajet perbelanjaan yang membolehkan anda melangsai hutang dengan menyenaraikan perbelanjaan tetap (seperti pinjaman perumahan) dan perbelanjaan tambahan yang boleh dikurangkan (seperti percutian).
- Cuba untuk mengurangkan perbelanjaan harian yang tidak perlu seperti makan di luar atau hiburan yang mahal. Yang penting sekali, cuba untuk tidak membuat pinjaman baharu. Antara yang boleh dilakukan adalah menukar penggunaan kad kredit kepada kad debit.
- Menggunakan wang simpanan untuk melangsai hutang. Anda juga boleh menjual kereta kedua (jika ada) yang juga boleh mengurangkan perbelanjaan bulanan.
- Mencari bantuan kewangan oleh kerajaan atau badan swasta.

### Strategi Pengurusan Kewangan Tambahan:

- Mengikuti kaunseling kewangan untuk membantu jika ada pertikaian dengan pemberi hutang.
- Kaunseling secara individu untuk membantu mengatur bajet perbelanjaan yang boleh menangani masalah kewangan yang dihadapi.
- Kemufusan. Kemufusan merupakan satu proses undang-undang yang memberi permulaan baharu kepada mereka yang tidak berupaya untuk menyelesaikan hutang mereka. Namun begitu, ianya satu tindakan yang amat serius dan selalunya jalan terakhir yang patut dipilih.



## Peringkat-Peringkat Ketagihan

### 1 Peringkat Pertama - Kemenangan

Seseorang yang bermasalah akan berasa teruja dengan dengan perjudian, mimpi kemenangan besar atau berupaya untuk lari daripada tekanan kehidupan harian. Risiko bagi penagih judi atas talian adalah lebih besar dengan akses 24 jam kepada laman judi.

### 2 Peringkat Kedua - Kekalahan

Di peringkat ini, kaki judi akan berasa aktiviti mereka masih di dalam kawalan dan mereka boleh berhenti pada bila-bila masa. Pada realitinya, tabiat judi mereka mengalami perubahan. Mereka berjudi untuk menebus kekalahan; berjudi dan menipu tentangnya; menyembunyikan kekalahan mereka; meminjam wang untuk meneruskan aktiviti tersebut; tidak memepati janji untuk berhenti; meminjam wang dari keluarga dan rakan; hubungan dengan orang lain menjadi mangsa ketagihan.

### 3 Peringkat Ketiga - Terdesak

Pada peringkat ini, seseorang yang ketagih judi akan merasa terdesak dan hilang kawalan; masih berpegang kepada impijan untuk menang agar dapat memperbaiki keadaan. Di dalam kes yang berat, mereka tidak menghiraukan orang lain dan sanggup mencuri atau melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang untuk menampung tabiat judi mereka.

Pasukan Khas Laut (PASKAL) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan kerjasama strategik melalui penganjuran Kursus Pelepas Terjun Bebas PASKAL Siri C 002-0101 & Asas Terjun Bebas PASKAL Siri C 002-0100 di Padang Terbang Tekah, Taiping bermula 29 Feb 16 sehingga 12 Apr 16.

Kerjasama julung kali ini merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam memantapkan kepakaran anggota bagi kedua-dua pasukan.

Pada peringkat awal, kursus ini disertai seramai 15 anggota iaitu 11 anggota PASKAL dan empat anggota Unit Udara JBPM melibatkan tiga pegawai dan 12 anggota Lain-Lain Pangkat, namun setelah melalui pelbagai cabaran, hanya tiga pelatih kursus PTB dan 11 pelatih kursus ATB sahaja yang berjaya menamatkan kursus. Terdahulu, kursus secara teori dan praktikal dilaksanakan di Pusat Latihan PASKAL.

Dalam pada itu, pelatih turut diajar cara mengawal keseimbangan badan di Sky Ventures Sentosa, Singapura. Latihan penerjunan sebenar sebanyak 15 kali menggunakan pesawat Mi-17 dan Super Lynx. Dalam tempoh latihan, pelatih dikehendaki melaksanakan beberapa latihan ulangkaji seperti prosedur keluar pesawat, teknik manuvera, prosedur kecemasan dan tatacara menggulung payung terjun selepas mendarat.

Menurut Jurulatih Terjun Bebas, Lt Shahrul Hairi Sahar TLDM, kepakaran yang dimiliki TLDM melalui unit elitnya itu diyakini mampu meningkatkan mutu perkhidmatan selain menjimatkan kos apabila digabungkan dengan aset



Kerjasama TLDM-JBPM memantapkan kepakaran anggota



Taklimat dan penerangan diberikan sebelum pelepasan

JBPM, malah ia turut memberi pulangan positif kepada JBPM sendiri yang mensasarkan pasukan payung terjun sebagai unit elit bagi pasukan itu yang kini mempunyai 100 anggota.

“Kerjasama tersebut juga merupakan satu keuntungan bagi TLDM kerana ia memberi ruang untuk pesawat TLDM lebih fokus kepada tugas-tugas operasi,” ujarnya.





Peserta menyanyikan lagu Negaraku sebagai permulaan ketika majlis penutup



Peserta menyanyikan lagu Negaraku sebagai permulaan ketika majlis penutup

## PROGRAM SUMMER CAMP PELAJAR KADET POLIS IPD HILIR PERAK DI PANGKALAN TLDM LUMUT

Oleh: Lt Daniel Erfanizun TLDM

Foto: Cawangan Komunikasi Strategik, KD PELANDOK

KD PELANDOK (KDP) telah berjaya mengkoordinasikan Program *Summer Camp* bagi Pelajar Kadet Polis Daerah Hilir Perak. Program telah berlangsung di sekitar Pangkalan TLDM Lumut bermula pada 30 Mac hingga 2 Apr 16.

Seramai 308 pelajar yang terdiri daripada 18 buah sekolah menengah terlibat dalam program ini. Mereka dibantu oleh 38 orang Jurulatih dalam kalangan guru, 11 jurulatih PDRM serta 10 jurulatih TLDM. Majlis bermula pada jam 11.30 pagi dengan ketibaan pelajar dan jurulatih di Blok Penginapan A-31. Mereka disambut oleh Kdr Md Zain Hj Zakaria TLDM, Ketua Jabatan Operasi merangkap Pengurus Program *Summer Camp* dan dibantu oleh Pegawai Koordinasi iaitu Lt Mohd Yusri bin Ismail TLDM.

Seterusnya, sesi pendaftaran bagi pelajar dan jurulatih dilakukan serta pembahagian mengikut kediaman masing-masing. Mereka dibawa untuk makan tengahari di Dewan Makan D-18. Acara pada sebelah petang pula adalah sesi suai kenal/*ice breaking* serta pembahagian kumpulan untuk malam kebudayaan.

Pelbagai aktiviti yang telah dirancang dalam program ini. Antaranya senaman pagi, merempuh halangan, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), mendaki Bukit Ungku Busu serta malam kebudayaan. Peserta juga berpeluang untuk melawat kapal TLDM yang terdapat di Jeti Operasi. Kelihatan peserta begitu teruja apabila diberi peluang untuk menaiki kapal memandangkan ianya merupakan pengalaman pertama mereka.

Acara penutup diadakan di Auditorium. M.Sidek Shabudin yang disempurnakan oleh Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Wan Azman

Wan Husin. Turut hadir ke acara penutup ialah Pegawai Memerintah KDP iaitu Kepten Sharum Hj Shaim TLDM serta Timbalan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak, Tuan Hj Mohd Sahid Alias. Acara diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan ringan.

Program ini mendapat maklum balas yang positif dari pihak PDRM khususnya para peserta. Selain ianya sebahagian daripada program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), ternyata program seperti ini dapat memperkenalkan TLDM dengan masyarakat luar.



Pegawai Memerintah KD PELANDOK, Kept Sharum Hj Shaim TLDM menerima cendera kenangan daripada Ketua Polis Daerah Hilir Perak, ACP Wan Azman Wan Husin



Peserta berbaris untuk menikmati sajian yang telah disediakan di Dewan Makan D-18

# MAJLIS PERHIMPUNAN RUKUN TETANGGA 1MALAYSIA 2016

Artikel: PW II PNK Md Nasir Mohamed

Foto: LK II PNK Khairul Najmi/

LK II TNL Mohamad Shafiq

Lebih 7,000 Komuniti Rukun Tetangga dari seluruh negara telah berhimpun sempena Majlis Perhimpunan Rukun Tetangga 1Malaysia 2016 yang diadakan di Taman Tasik Titiwangsa pada 26 Mac 16. Majlis anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ini dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, masyarakat tidak kira bangsa dan kepercayaan agama perlu berganding bahu membantu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjaga keamanan serta ketenteraman awam di negara ini. Perpaduan nasional bukanlah satu anugerah semata-mata, tetapi ianya harus dicari, dibina, diurus dan diselenggara dengan baik agar kestabilan dan keharmonian negara dapat dikenalkan. Justeru, Rukun Tetangga memainkan peranan penting dalam memastikan bagi tujuan tersebut tercapai.

Beliau turut mengajak generasi baharu terlibat sama dalam memberi sumbangan ke arah membanteras jenayah. Mereka ini perlu dipupuk dan dididik dengan perasaan cinta dan menghormati semua kaum, bangsa dan agama demi mewujudkan perpaduan.

Sempena perhimpunan ini, Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin mewakili Panglima Angkatan Tentera telah menerima sijil penghargaan dari kerajaan kepada Angkatan Tentera Malaysia dalam penglibatan Kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Turut menerima sijil tersebut ialah PDRM dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Selain itu, YAB Dato' Seri telah menyampaikan sijil penghargaan Khidmat Kesukarelawan Pasukan Skuad Uniti kepada Pengerusi Komuniti Rukun Tetangga di beberapa buah negeri dan menyampaikan mok cek tuntutan Insuran Kemalangan Diri Berkelompok AJK Rukun Tetangga, Mediator Komuniti dan Ahli Skim Rondaan Sukarela 2015 – 2016.

YAB Dato' Seri telah meluangkan masa melawat khemah pameran dan jualan yang telah disediakan. Turut hadir pada majlis perhimpunan berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup.



Penghargaan pihak kerajaan terhadap ATM dan PDRM dalam program NBOS akan meningkatkan lagi hubungan kerja di antara kedua-dua organisasi tersebut



Panglima Tentera Laut berkesempatan beramah mesra bersama pengunjung yang hadir



YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri bersama kanak-kanak dalam Majlis Perhimpunan Rukun Tetangga 1Malaysia di Taman Tasik Titiwangsa

# MAJLIS PELANCARAN PROJEK e-SCIENCE FUND PHN BERSAMA JABATAN MINERAL & GEOSAINS MALAYSIA

Oleh: Lt Kdr Ahmad Taqiuuddin bin Hadi TLDM

Foto: LK HDI Fairuz bin Abdul Aziz/BM PNK Sudirman bin Jasleh

Majlis Pelancaran Projek *e-Science Fund* telah diadakan di Auditorium KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, Pulau Indah pada 4 Apr 16.

Majlis disempurnakan oleh Ketua Pengarah Hidrografi, YBhg Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim Hasan bersama Ketua Pengarah Jabatan Mineral & Geosains, YBhg Tuan Haji Mior Sallehhuddin Mior Jadid.

Kerjasama atau *smart partnership* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ini, akan menjalankan kajian komprehensif mengenai pemampanan pengurusan aktiviti perlombongan pasir laut di kawasan Permatang Sedepa (One Fathom Bank) dan beting di sekitarnya selama tiga tahun.

Kerjasama ini melibatkan pengukuran hidrografi yang dilaksanakan oleh KD MUTIARA dan Bot Hidrografi 1 yang bermula pada 4 Apr 16 secara berperingkat. Kajian ini juga melibatkan pengumpulan data cerapan arus, sedimen dasar laut dan penubuhan pangkalan data.

Objektif utama projek ini adalah untuk menghasilkan peta geologi dan morfologi dasar laut, menentu dan menyediakan garis panduan perlombongan pasir laut yang mampan dan terakhir adalah membangunkan teknik pengukuran *multibeam* dalam pemetaan pergerakan beting pasir.

Pembabitan TLDM dalam aktiviti penyelidikan ilmiah ini, secara tidak langsung dapat membantu komuniti maritim lebih memahami pengaruh semulajadi kepada lautan. Seterusnya ia dapat memperkenalkan profesionalisme pegawai hidrografi dalam aktiviti penyelidikan.

Dalam suasana ekonomi ketika ini, konsep NBOS antara TLDM dan JMG merupakan mekanisma yang signifikan kepada negara. Manfaat kajian ini dijangka dapat memberikan maklumat yang mencukupi untuk pihak kerajaan mengawal aktiviti perlombongan pasir dan pemeliharaan selain memberi impak signifikan dalam



Pengarah Hidrografi menyampaikan pelaka kepada Ketua Pengarah Jabatan Mineral & Geosains



Pembabitan TLDM dapat membantu komuniti maritim lebih memahami pengaruh semulajadi kepada lautan

aspek kedaulatan perairan, keselamatan pelayaran dan mengekalkan alam semulajadi.

*e-Science Fund* merupakan geran yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menjalankan projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang boleh menyumbang kepada penemuan idea-idea baru dan kemajuan pengetahuan dalam bidang sains dengan memberi tumpuan kepada kesan yang tinggi dan penyelidikan inovatif.



Kerjasama TLDM dan JMG melalui NBOS merupakan mekanisma yang signifikan kepada negara



Pegawai Waran II Roni dari KD PANGLIMA HITAM memberi taklimat kerjaya kepada peserta



Para peserta teruja melihat pakaian dan peralatan khas yang digunakan oleh Penyelam Tempur

Panglima Pendidikan dan Latihan, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mior Rosdi Dato' Mior Mohd Jaafar telah menyempurnakan Majlis Penutupan Program Jati Diri dan Pembinaan Pasukan di di Auditorium M. Sidek Shabudin, KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut pada 16 Apr 16.

Program ini merupakan anjuran Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM) dan dikelolakan oleh Pusat Kepimpinan TLDM terdiri daripada 200 pelajar Tingkatan 1 hingga 5 dari 3 buah sekolah

menengah sekitar daerah Manjung (Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Manjung, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 10 Lekir dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Samudera) bersama enam guru pengiring.

Program yang berlangsung selama dua hari itu merupakan pengisian salah satu aktiviti yang dilaksanakan sempena sambutan Hari TLDM ke-82 dengan bertemakan TLDM Siap Siaga, Perairan Terpelihara. Dalam pada itu, program ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial TLDM bersama Kementerian Pendidikan

## MAJLIS PENUTUP PROGRAM JATI DIRI DAN PEMBINAAN PASUKAN PELAJAR BERWAWASAN

Oleh: Cawangan Komunikasi Strategik, MPPL

Malaysia bagi menyokong hasrat kerajaan bagi inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS 8) dalam usaha mengurangkan masalah disiplin mahupun jenayah di kalangan para pelajar. Program ini melibatkan aktiviti-aktiviti berpasukan untuk mencapai objektif berikut:

- Menerapkan nilai disiplin dan kepimpinan.
- Memupuk nilai 'Cintakan Negara' dan semangat patriotik.
- Memperkasa semangat jati diri dan kekuatan rohani peserta.
- Memupuk semangat kerjasama dan setia kawan.

Program ini merangkumi syarahan berfokuskan aspek kepimpinan dan semangat setiaawan iaitu Model 4KI (Kepimpinan, Kerjasama, Kreativiti, Komunikasi, dan Integriti).

Aspek kerohanian juga diberi penekanan melalui program Sentuhan Rohani meliputi aspek kerohanian di dalam kehidupan seharian. Di samping itu, sesi promosi profession dan kerjaya bersama empat ikon terpilih iaitu Doktor ATM, Pegawai Peperangan Utama TLDM, Pegawai Penyelam Ranjau dan Periuk Api TLDM dan Pegawai Pasukan Khas Laut (PASKAL) telah dilaksanakan untuk menarik minat golongan belia dan memilih kerjaya ATM dan TLDM pada masa akan datang.



Pengisian program berjaya menarik minat peserta untuk mendekati kerjaya TLDM



Lt Karim dari Pasukan KD DUYONG memberi taklimat kerjaya sebagai Penyelam Ranjau



# SAMBUTAN HARI TLDL KE-82



**TLDL SIAP SIAGA  
PERAIRAN TERPELIHARA**



@tldm\_rasmi

[www.navy.mil.my](http://www.navy.mil.my)

#DiplomasiPertahanan #Kesiapsiagaan

#Keselamatan #Kebajikan

## PROGRAM JIWA MURNI TLDM DAN IMPAK KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT

Oleh: Lt Hjiril Aswad bin Wahid TLDM  
Markas Kejuruteraan TLDM

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan dalam aspek keselamatan maritim negara. Walaupun memikul tanggungjawab yang berat, TLDM tetap komited dalam memenuhi tanggungjawab sosialnya kepada negara. Penglibatan TLDM dalam program jiwa murni sedikit sebanyak membantu kerajaan dalam mencapai sasaran Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menggariskan kerjasama pintar antara Kementerian Pertahanan dan masyarakat awam dalam melaksanakan program pembangunan negara. Strategi tersebut secara tidak langsung memberi imej yang positif kepada warga tentera dan secara menjadi platform terbaik untuk TLDM mendekati masyarakat setempat.

Komitmen dan kesungguhan TLDM dalam melaksanakan program jiwa murni dapat dinilai apabila perkara tersebut diukur melalui Indeks *Key Performance Indicator* (KPI) di setiap Markas dan Formasi. TLDM telah menetapkan matlamat agar semua unit-unit TLDM di bawah naungan untuk melaksana atau menganjurkan program jiwa murni sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan fokus diberikan kepada masyarakat setempat terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Impak dari program tersebut dapat dilihat apabila warga TLDM diterima baik oleh masyarakat dan menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak TLDM dengan melaporkan insiden-insiden mencurigakan yang berlaku di kawasan rondaan TLDM. Perkara ini secara tidak langsung membantu TLDM dalam membantu membanteras unsur-unsur jenayah dari berlaku di perairan negara dengan mengambil langkah awal hasil perkongsian maklumat bersama masyarakat setempat. Perkara ini juga turut menjadi pertahanan cegah rintang untuk mengelakkan anggota-anggota TLDM dari terjebak dari gejala tidak sihat.

Selain itu, impak lain yang turut diperolehi apabila program ini dilaksanakan dapat dilihat kepada kejayaan TLDM dalam menarik golongan anak muda memilih TLDM sebagai kerjaya pilihan. Imej yang baik

dipaparkan sewaktu program berikut secara tidak langsung memberi persepsi yang positif kepada anak muda untuk menyertai kerjaya TLDM yang diakui kurang popular bagi anak-anak muda pada masa kini. Penyebaran program jiwa murni melalui media sosial juga turut memberi impak terutamanya kepada masyarakat pedalaman yang tidak terdedah kepada kerjaya TLDM.

Kesimpulannya, program jiwa murni merupakan satu program *win-win situation* bagi masyarakat dan TLDM yang patut diteruskan pada masa hadapan.



Aktiviti gotong-royong selain menyihatkan badan turut merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat



MENHAN turut serta dalam aktiviti jiwa murni anjuran ATM

# BERGANDING BAHU DI KUCHING SARAWAK

Oleh: LK PAP Awangku Ahmad Salehin

PWTL Kuching telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat di Pusat Pemulihan Samarahan. Projek yang lebih dikenali sebagai program jiwa murni ini dilaksanakan turut mendapat kerjasama daripada KD LEKIR dan KD LAKSAMANA HANG NADIM. Kedua-dua kapal tersebut berada di Kuching sebagai persinggahan selama empat hari sebelum pulang ke Pangkalan TLDM Lumut setelah beroperasi di Malaysia Timur.

Turut hadir semasa perasmian program ini adalah Adun Parlimen P197 Kota Samarahan, Dato' Seri Haji Mohammad Ali Mahmud. Pelbagai aktiviti menarik dilaksanakan untuk menarik minat pengunjung ke program tersebut seperti pembersihan kawasan di sekitar Pusat Pemulihan Kota Samarahan, lawatan ke dua buah kapal dan lain-lain lagi.

Penganjuran aktiviti seumpama ini dilihat dapat memupuk semangat kerjasama orang ramai dengan warga TLDM di samping menghargai sokongan warga tempatan dan memberi peluang kepada mereka memahami peranan serta tanggungjawab TLDM dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan perairan negara.



Warga kapal membersihkan kawasan sekitar Pusat Pemulihan Samarahan, Kota Samarahan Sarawak



PALAPES Darat daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) turut membuat lawatan ke atas kapal



Sesi temuramah bersama media

# HULURKAN TANGAN RINGANKAN BEBAN

Oleh: Lt Muhamad Khairul bin Abdullah TLDM  
Foto: BK TLS Mohd Rizan b. Shafie

KD MUTIARA telah melaksanakan Projek Jiwa Murni di Sekolah Menengah Agama At-Ta'alim, Lekir dengan kerjasama Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Manjung pada 4 Mac 16.

Seramai lapan pegawai dan 82 anggota telah terlibat menjayakan program kali ini. Setelah menerima taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Laksana Lt Kdr Mohammad Shaiful Suhaimee TLDM, warga kapal diberi pecahan mengikut tugas yang perlu dilaksanakan.

Antara aktiviti yang dijalankan merangkumi pembuangan perkakas yang tidak digunakan serta kerja-kerja pembersihan kawasan sekeliling sekolah yang berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk AEDES.

Sebagai tanda kenangan, Pegawai Memerintah KD MUTIARA, Kdr Khairul Anuar Abdul Aziz TLDM bersama Pengetua Sekolah Menengah Agama At-Ta'alim, En Badrul Hisham Badaruddin telah menanam pokok mangga sebagai simbolik perasmian program yang disaksikan oleh warga kapal dan kakitangan sekolah.

Turut serta dalam program anjuran KD MUTIARA kali ini adalah Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Manjung yang menyampaikan ceramah kepada 200 pelajar sekolah serta menganjurkan pameran yang amat berkesan dalam usaha kerajaan untuk membasmi masalah jangkitan demam denggi yang saban tahun menunjukkan peningkatan. Penganjuran program seumpama ini dilihat dapat membantu serta mengeratkan hubungan silaturahim warga kapal dengan penduduk setempat dan agensi kerajaan yang lain serta secara tidak langsung turut mempromosi kerjaya tentera di kalangan generasi muda.





Aktiviti pembersihan kawasan sekeliling sekolah



Pegawai Memerintah KD MUTIARA, P/Kdr Khairul Anuar bin Abdul Aziz TLDM (kanan) bersama Pengetua Sek.Men. Agama Al-Ta'alim En.Badrul Hisyam bin Baharudin menanam pokok mangga sebagai simbolik perasmikan program jiwa murni



Ceramah oleh Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Manjung

## FOMDEX SIRI 2/16 KEM BELIA PUEH, SEMATAN

Oleh: Lt M Mohd Hazry bin Ismail PSSTLDM

FOMDEX adalah singkatan daripada *Fitness Orientation Mental Development Excercise* iaitu latihan yang menguji semua aspek pada anggota sama ada dari segi fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial.

FOMDEX Siri 2/2016 telah berjaya dilaksanakan oleh Pasukan Latihan Anggota Simpanan TLDM (PLASTLDM) Politeknik Kuching Sarawak (PKS) pada 19-21 Feb 16 bertempat di Kem Belia Pueh, Sematan. Seramai 63 anggota PLAS yang terdiri daripada anggota dari semester 1 hingga 4 serta dikawal selia oleh 15 jurulatih yang terdiri daripada empat pegawai dan 10 anggota Lain-lain Pangkat dari Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) terlibat menjayakan program ini.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah berakit, rempuh halangan, *orienteering*, jurit malam dan sukan pantai. Antara objektif program ini adalah membina semangat anggota supaya lebih cekal dan berkeyakinan. Di samping itu juga dapat mewujudkan aktiviti yang dapat membentuk anggota hidup berdikari atau *survival*



Sukan bola tampar antara kumpulan

*skill*. Tambahan pula, melalui aktiviti yang dijalankan dapat membina semangat setiakawan *comradeship* agar lebih peka dengan penghidupan berkumpulan dan semangat kerjasama selain membina ketahanan mental dan fizikal para anggota yang terlibat agar lebih berupaya menghadapi cabaran dalam latihan *Character Building*.



Anggota PLAS mengikat rakit dari paip PVC



Aktiviti tikus mondok



Rakit anggota merapat antara satu sama lain

# EKSPEDISI KEMBARA MUHIBAH BERMOTOSIKAL DAN PROGRAM JIWA MURNI KE DUNGUN, TERENGGANU

Oleh: Lt M Al Ismail bin Ahmad PSSTLDM

Foto: PSTL Setiu

Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) Setiu telah melaksanakan satu program kemasyarakatan pada 24 hingga 26 Mac 2016 yang lepas di Kampung Shukor, Dungun, Terengganu.

Program yang dinamakan Ekspedisi Kembara Muhibbah Bermotosikal dan Program Jiwa Murni ini dilaksanakan sempena Sambutan Hari TLDM Ke-82 dan disertai seramai 61 orang anggota PSSTLDM dan staf PSTL Setiu yang menaiki enam buah motosikal berkuasa tinggi dan 35 buah motosikal berkuasa rendah diiringi dua buah kenderaan TLDM.

Program anjuran bersama PSTL Setiu dan Komuniti 1 Malaysia (K1M) Mukim Pasir Raja ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga TLDM dan masyarakat setempat di samping mempromosikan kerjaya dan fungsi anggota PSSTLDM di dalam TLDM.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah melalui dua fasa secara keseluruhannya. Fasa pertama bermula pada 24 Mac dengan ketibaan peserta konvoi di PSTL Setiu bagi menjayakan majlis jasamu dikenang sempena pertukaran keluar anggota di PSTL Setiu. Taklimat awal ekspedisi telah disampaikan oleh Penyelaras Program, Lt Kdr Ahmad Saiful Bahri Abdul Ghani PSSTLDM sejurus selesai majlis.

Pada hari kedua, kesemua peserta program membuat persiapan dan pemeriksaan akhir terhadap kenderaan masing-masing sebelum memulakan konvoi. Majlis pelepasan ekspedisi telah dirasmikan oleh Pegawai Staf PSTL Setiu, Lt Mohamad Rizwan Mohamad Rudzi TLDM di gerbang utama unit.

Perjalanan dari PSTL Setiu menuju ke Kampung Shukor, Dungun mengambil masa tiga jam perjalanan di mana peserta konvoi melakukan pemeriksaan berkala ke atas kenderaan masing-masing bertempat di Hentian Ajil dan Hentian Bukit Besi. Ketibaan peserta konvoi pada jam 1230 tengahari disambut meriah oleh Jawatankuasa Kampung Shukor dan penduduk setempat.

Fasa kedua program dimulakan sejurus selesai solat Jumaat dengan aktiviti gotong-royong di sekitar pekarangan balai raya Kampung Shukor dan pembersihan anak sungai. Pada sebelah petang pula telah berlangsungnya perlawanan bola jaring dan bola sepak di antara penduduk kampung dengan warga PSTL Setiu di mana kedua-dua perlawanan telah dimenangi oleh penduduk Kampung Shukor.

Majlis perasmian program berlangsung serentak dengan majlis malam mesra yang disempurnakan oleh Timbalan Penggerusi Penyelaras 2 DUN Bukit Besi, Encik Riduan Ishak. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan setinggi-



Sesi bergambar Pegawai Staf PSTL Setiu bersama peserta konvoi ekspedisi

tinggi tahniah dan berbangga di atas penganjuran program kemasyarakatan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara anggota TLDM dan masyarakat kampung.

Program diteruskan pada hari ketiga dengan solat Subuh secara berjemaah diikuti kuliah Subuh yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Shukor disusuli aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Kampung Shukor yang dilanda banjir dan pembersihan kawasan tanah perkuburan Kampung Shukor.

Peserta konvoi turut berpeluang menyumbang bakti dengan menguruskan pengkebumian jenazah salah seorang penduduk kampung tersebut. Penduduk kampung turut melahirkan rasa terharu di atas sumbangan jasa dan bakti serta semangat yang ditaburkan oleh semua yang terlibat.



Aktiviti pembersihan kawasan sungai di Kampung Shukor



Peserta konvoi memulakan perjalanan mengikut peraturan yang ditetapkan

# PROGRAM JIWA MURNI DAN PAMERAN KERJAYA PSSTLDM

Oleh: Pejabat Tadbir UPS TLDM Pasir Gudang

KD SRI MEDINI dan Unit Pengawasan Senggara TLDM Pasir Gudang melaksanakan program Jiwa Murni dan Pameran Kerjaya Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) bertempat di Sekolah Kebangsaan (SK) Sawah Baru, Labis, Johor mulai 25 hingga 27 Feb 16.

Program ini disertai oleh anggota tetap KD SRI MEDINI dan UPS TLDM Pasir Gudang, 122 anggota PSSTLDM, 53 perajurit muda Pasukan Latihan Anggota Simpanan (PLAS TLDM) Politeknik Ibrahim Sultan dan masyarakat setempat. Program ini dirasmikan oleh Cik Hajah Rozita Kassim, Ketua Unit Akademik mewakili Pegawai Pendidikan Daerah Segamat sekaligus menjayakan pembukaan Kelas Abad Ke 21 SK Sawah Baru.

Objektif program adalah untuk mendekatkan anggota PSSTLDM kepada masyarakat setempat, selain dalam usaha mempromosikan pasukan KD SRI MEDINI dan UPS TLDM Pasir Gudang kepada masyarakat setempat serta menarik minat penduduk luar bandar untuk menyertai TLDM dan juga PSSTLDM.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah gotong-royong membersih dan mencantikkan kawasan sekolah, majlis ramah mesra bersama masyarakat setempat, majlis pembukaan Kelas Abad Ke 21 SK Sawah Baru dan Pameran Kerjaya PSSTLDM. Program ini mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat setempat dan berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama yang jitu dan semangat yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat.



Majlis perasmian projek jiwa murni



Lawatan ke tapak pameran kerjaya PSSTLDM



Acara pembukaan projek jiwa murni



Gotong-royong membersihkan dan mencantikkan kawasan sekolah



Perasmian pembukaan kelas abad Ke-21

# LATIHAN PENEMBAKAN SENJATA KECIL PSSTLDM DAN PALAPES (L) UMT DI MAWILLA 1

Oleh: Lt M Al Ismail bin Ahmad PSSTLDM  
Foto: Lt M Mohd Imraan bin Ghazali PSSTLDM

Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) Setiu telah melaksanakan Latihan Penembakan Senjata Kecil jenis M4 Carbine dan Pistol Glock 17 di Lapang Sasar Markas Wilayah Laut 1, Kuantan.

Latihan yang telah diadakan pada 7 hingga 9 Apr 16 ini melibatkan sembilan orang staf PSTL Setiu, 52 pegawai dan anggota PSSTLDM serta 92 anggota PALAPES (L) Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Latihan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai dan anggota PSSTLDM serta PALAPES (L) UMT tentang pengendalian dan penggunaan senjata api yang dibimbing oleh staf PSTL Setiu seterusnya mengenal pasti pegawai dan anggota yang mempunyai bakat menembak agar boleh diketengahkan ke peringkat Markas.

Selain itu, latihan penembakan ini bertujuan menguji kemahiran dan kecekapan menembak anggota pasukan simpanan di samping menyiapkan Pasukan Simpanan TLDM dengan ilmu-ilmu asas menembak bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak diingini pada masa akan datang.

Latihan yang berlangsung selama tiga hari ini dimulakan dengan taklimat awal yang telah disampaikan oleh Pegawai Staf PSTL Setiu, Lt Mohamad Rizwan Mohamad Rudzi TLDM selaku Pegawai Tapak Tembak sejurus anggota tiba di Lapang Sasar MAWILLA 1.

Taklimat keselamatan disampaikan oleh Jurulatih Persenjataan, BK PAP (GI) Ahmad Tazri Baharom sebelum sesi penembakan bermula. Dua kategori latihan penembakan telah dilaksanakan iaitu *Centre Fire Target* dan *Jatuh Piring*.

Latihan berakhir dengan upacara mengangkat sumpah sejurus selesai penembakan sebelum pergerakan pulang anggota ke PSTL Setiu. Secara keseluruhan, latihan yang dijalankan selama tiga hari itu banyak memberi pendedahan tentang tatacara dan teknik pengendalian senjata kecil kepada anggota PSSTLDM dan PALAPES (L) UMT serta berjaya mencapai objektif yang digariskan. Latihan seumpama ini wajar diteruskan bagi mengasah bakat dan kemahiran

menembak warga Pasukan Simpanan TLDM khasnya dan TLDM amnya. Turut hadir, Pegawai Koordinasi PALAPES (L) UMT, Lt Noorsyam Abu Samah TLDM yang mengiringi anggota PALAPES.



Latihan penembakan menggunakan senjata kecil jenis M4 Carbine dalam kedudukan meniarap



Taklimat keselamatan disampaikan oleh BK PAP(GI) Ahmad Tazri sebelum latihan bermula



Latihan penembakan menggunakan senjata kecil jenis Glock 17



Sesi bergambar kenang-kenangan

# 'TIDAK 'TAKUT'

## Lt Kdr Shah Rizan bangga bergelar CelO

**Menggalas status seorang Pegawai Integriti Bertauliah (CelO) bukan perkara mudah. Apatah lagi menjadi perintis, memang banyak cabaran perlu dihadam kerana proses mentransformasi sebuah organisasi yang sudah menjangkau usia lebih separuh abad sememangnya kompleks dan memerlukan pertimbangan akal yang bukan calang-calang.**

Lt Kdr Mohd Shah Rizan Md Yasin TLDM, 34 tahun, berjaya menyahut cabaran itu. Tidak takut berdepan kerentak birokrasi, beliau akui perlu menanam sikap *zero tolerance* terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan sebelum mengaplikasikannya dalam kalangan khalayak.

"Keikhlasan mesti sentiasa tersemat dalam sanubari, paling penting istiqomah" tegas beliau sambil menyifatkan berdepan dengan cabaran adalah satu kepuasan.



Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor  
Cawangan Publikasi, Mk TL

Menjawat posisi Pegawai Staf 2 Audit dan Keutuhan (Bekalan) merangkap Pegawai Staf 2 Integriti di Markas Tentera Laut, beliau bertanggungjawab memantau perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus TLDM dan Markas Pemerintahan selain mengendalikan Aduan Integriti dan memberikan khidmat nasihat terhadap kes-kes integriti serta melaksanakan siasatan ke atas kes-kes integriti yang dilaporkan atau hasil penemuan.

Sebagai Pegawai Integriti, beliau merasa bertuah kerana berpeluang mengikuti Program Pegawai Integriti Bertauliah atau Certified Integrity Officer (CelO) anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia pada Feb 2015 hingga Apr 2015 sesuai dengan bidang tugas yang dipikul.

Menurutnya, program tersebut disertai pegawai dan eksekutif dari pelbagai cabang melibatkan sektor awam dan swasta seramai 35 orang. Beliau menyertai pengambilan yang kesembilan iaitu siri pertama bagi tahun 2015.

Bercerita lanjut, anak bongsu bekas Ketua Pejabat Pos, Petaling Jaya ini menganggap program CelO ini sangat bermanfaat kepada perkhidmatan serta berimpak tinggi. Program ini menjadikan beliau lebih peka untuk mengambil tindakan terhadap amalan salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Program ini juga dilihat sebagai sebuah titik mula kepada ukhuwah dan tali ikatan (networking) antara TLDM, SPRM dan agensi-agensi lain.

Menyentuh tentang masalah integriti yang berlaku dalam organisasi TLDM, Lt Kdr Shah Rizan memberi pandangan positif bahawa sebagai sebuah organisasi yang telah bertapak sejak 82 tahun lalu (1934), masalah integriti bukan suatu perkara baharu bagi TLDM, hanya sejak akhir-akhir ini beberapa tindakan drastik telah diambil kerajaan bagi membanteras masalah ini.

"Masalah ini dapat diatasi jika pembudayaan integriti ke atas warga Navy People berterusan dan bukan hangat-hangat tahi ayam."

"Sokongan Pengurusan Tertinggi TLDM dalam menjayakan agenda integriti amat diharapkan supaya warga TLDM dapat sama-sama mendukung hasrat murni ini."

"Kita tidak boleh memerangi rasuah atau elemen salah guna kuasa di tempat kerja dengan serta-merta, dalam jangka pendek atau dalam sehari. Sebaliknya, kita perlu



Bangga menjadi perintis... Lt Kdr Shah Rizan nekad menjayakan agenda integriti untuk diaplikasikan di dalam perkhidmatan

mengambil pendekatan jangka panjang ke arah itu,” ujar beliau.

Lt Kdr Shah Rizan turut melahirkan hasrat agar pihak pengurusan tertinggi atau ketua-ketua jabatan meletakkan pegawai yang telah menyertai kursus CelO menjalankan tugas-tugas berkaitan integriti bagi mencapai impak lebih maksimum.

“Satu kerugian yang amat besar apabila kepakaran dan kemahiran berkaitan CelO yang diperolehi itu tidak dimanfaatkan organisasi kerana pegawai-pegawai yang menyertai program CelO telah didedahkan dengan peraturan dan undang-undang yang boleh digunakan di kementerian masing-masing,” katanya lagi dengan panjang lebar.

Mengenali Lt Kdr Shah Rizan, banyak sisi istimewa dapat dilihat seawal pendidikan rendah beliau di Sekolah Kebangsaan Lembah Keramat, Kuala Lumpur (1989 – 1992) dan Sek Ren Keb Seri Permai, Bayan Baru Pulau Pinang (1992 – 1994). Memasuki Sek Men Lembah Keramat (1995-1996) dan Maktab Tentera

**Kita tidak boleh memerangi rasuah atau elemen salah guna kuasa di tempat kerja dengan serta-merta, dalam jangka pendek atau sehari. Sebaliknya, kita perlu mengambil pendekatan jangka panjang ke arah itu.**  
– Lt Kdr Shah Rizan

Diraja pada tahun 1996 hingga 1999. Beliau memperolehi keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan keputusan 8A pada tahun 1997 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan pangkat 1 Agg 9, kelas Sains Fizikal pada tahun 1999.

Tidak cukup dengan garis positif itu, beliau juga pernah mendapat tawaran menyambung pengajian di Ireland dalam bidang Perakaunan namun terpaksa menolak tawaran tersebut kerana minat yang terlalu mendalam terhadap Angkatan Tentera Malaysia. Berbekal minat tersebut, beliau meneruskan pengajian di Akademi Tentera Malaysia (ATMA) yang dikenali kini sebagai Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan memilih TLDM sebagai kerjaya seterusnya mengambil jurusan Pengurusan Teknologi (Kewangan).

Pegawai muda ini telah ditauliahkan pada 7 Jun 2004 dengan pangkat Lettenan TLDM dan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Kewangan) dengan Kepujian. Beliau kemudiannya diserapkan ke Cawangan Bekalan dan Urusetia berpandukan jurusan yang diambil.

Unit pertama beliau adalah Pasukan Pertahanan Udara TLDM sebagai Pegawai Tadbir merangkap Pegawai Laksana. Beliau merupakan satu-satunya Pegawai dari Cawangan Bekalan yang mengikuti Kursus Pegawai Meningkat Meriam bersama Pegawai-Pegawai TDM dari Rejimen Artilleri Diraja.

Pada tahun 2007, beliau diperjawatkan di KD PERANTAU sebagai Pegawai Bekalan. Kapal pada ketika itu sedang menjalani rutin pasang pulih dan selesai rutin pada tahun sama.

Pada tahun 2009 hingga 2011 pula, beliau ditugaskan di Markas Tentera Laut (MkTL)-CPP sebagai Pegawai Kewangan merangkap Pegawai Tadbir seterusnya di KD SULTAN ISMAIL sebagai Pegawai Hospitaliti dan Katering pada tahun 2011-2012.

Lt Kdr Shah Rizan pernah terlibat dalam Misi ISAF di Afghanistan sebagai Timbalan Komander MALCON5 selama setahun pada 2012-2013 sebelum diperjawatkan di Mk TL-Bahagian Pengurusan Strategik sebagai PS2 Audit dan Keutuhan (Bekalan)/PS2 Integriti sehingga kini.

Di sisi lain, Lt Kdr Shah Rizan dilihat amat secocok dengan pasangan hidup yang dijab pada 27 Jun 2008, Mejari Erika Fatra Roslita Rusli yang kini bertugas di Pejabat Provos Marsyal Tentera Darat sebagai Pegawai Staf 2 Analisis dan Kajian. Kebahagiaan pasangan ini semakin terserlah apabila dikurniakan sepasang cahayamata yang kini berusia tujuh dan tiga tahun.

# KESEPADUAN ROHANI DAN JASMANI

Oleh: Mej Muhammad Rasul bin Mohammad Kadir  
Pejabat Agama KD MALAYA

*Warga the Navy People sentiasa diterapkan nilai-nilai murni melalui pengajaran majlis-majlis ilmu*

Komponen rohani dan jasmani merupakan dua elemen yang tidak boleh terpisah kerana ia saling berinteraksi dan melengkapi antara satu sama lain bagi melahirkan kesempurnaan insan. Namun begitu, pembangunan rohani adalah lebih dominan dan membentuk hakikat keinsanan yang hakiki.

Hakikat insan menurut Islam terdiri daripada unsur rohani dan jasmani yang mana kedua-duanya merupakan satu kesatuan. Unsur rohani adalah bersifat mutlak, tetap dan hakiki. Manakala unsur jasmani merupakan unsur yang bergantung kepada

unsur rohani, bersifat nisbi dan merupakan manifestasi kebenaran hakiki. Unsur rohani dapat dibahagikan kepada tiga komponen penting iaitu kalbu, akal dan nafsu. Kalbu merupakan pusat dalam diri dan berperanan sebagai pemandu dan pengendali. Oleh itu, apabila ia berfungsi dengan baik, maka kehidupan insan menjadi baik dan hidup sealiran dengan fitrah semulajadi insan yang diciptakan oleh Allah SWT. Namun begitu, sekiranya komponen ini tidak berfungsi dengan baik maka akan terjadilah yang sebaliknya. Hadis nabi s.a.w yang bermaksud:

“Sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal daging. Apabila ia baik maka akan baiklah seluruh tubuh namun jika ia rosak maka akan rosaklah seluruh tubuh. Ingatlah bahawa ia adalah kalbu”. (HR Bukhari)

Unsur kedua bagi komponen rohani yang adalah akal. Akal disebut dalam al-Quran sebagai *al-'aql* yang membawa maksud menahan. Dari segi bahasa, akal bermakna menahan, ikatan, mlarang, dan mencegah. Justeru itu, orang yang berakal adalah yang mampu menahan dan mengikat hawa nafsunya daripada membawa diri kepada melakukan sesuatu perbuatan. Apabila seseorang manusia

*Penerapan komponen kerohanian yang jitu memperkasakan jati diri setiap manusia*

dapat mengawal hawa nafsunya maka akal rasionalnya akan muncul bagi memainkan peranan dalam mendidik jiwa. Akal berfungsi menyampaikan ilmu pengetahuan kepada hati yang boleh mempengaruhi agar mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap manusia memiliki fungsi dan peranan yang cukup penting sebagai penggerak kepada unsur rohani mahupun jasmani. Dengan adanya akal, manusia mampu untuk memperolehi pengetahuan, berupaya untuk mereka cipta sesuatu, berupaya untuk membezakan antara yang baik dan yang buruk, serta mampu membawa insan kepada zat keinsanannya.

Manusia mampu memperolehi ilmu pengetahuan melalui daya fikir, pemahaman, hafalan, imaginasi, penemuan, pengucapan dan sebagainya. Oleh kerana pelbagai keupayaan tersebut, fungsi akal juga disebut sebagai fitrah insan iaitu sifat semulajadi yang diciptakan oleh Allah SWT kepada setiap manusia.

Unsur ketiga ialah nafsu atau disebut juga sebagai syahwat. Syahwat mempunyai dua fungsi utama iaitu al-ghadab dan al-shahwah. Al-ghadab ialah potensi untuk menghindari diri daripada segala perbuatan yang berbahaya dan disebut juga sebagai pertahanan atau pembelaan. Al-shahwah pula ialah potensi untuk memiliki segala sesuatu yang disebut juga sebagai keinginan atau hawa nafsu.



Manusia tidak lari dari fitrah haiwaniyah

Prinsip syahwat merupakan fitrah haiwaniyah kerana ia bersamaan dengan prinsip kerja haiwan seperti makan, tidur, dan seks. Matlamat utama unsur syahwat adalah untuk memuaskan keperluan fisiologi. Jika dikawal dengan baik, nafsu atau keinginan syahwat dapat memberikan beberapa manfaat kepada manusia. Namun begitu nafsu mampu mendesak manusia bagi memenuhi keinginannya secara bebas. Apabila manusia terlalu mengikut kehendak nafsu sehingga tidak dapat mengawalnya, ini bermakna manusia tersebut mengikut kehendak dan fitrah haiwaniyah. Al-Ghazali menyatakan bahawa syahwat perut dan syahwat jantina merupakan dua jenis syahwat yang paling banyak meruntuhkan akhlak manusia. Justeru itu, kedudukan manusia yang mengikut nafsu semata-mata disamakan dengan haiwan.



Ceramah agama merupakan salah satu dari santapan rohani



## SKIM PINJAMAN AKADEMIK ANAK TENTERA (SPAAT)

### **AM**

1. Skim Pinjaman Akademik Anak Tentera (SPAAT) merupakan satu skim bagi membantu meringankan bebanan kewangan warga ATM bagi membiayai anak-anak ke IPTA/IPTS. Dana Tabung ini disediakan daripada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT). Jenis pengajian tinggi yang dibenarkan adalah pengajian sepenuh masa.
2. **Peringkat dan Tempat.** Pinjaman Skim ini dikeluarkan bagi pengajian di peringkat Matrikulasi, Asasi, A-Level, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di IPT awam dan swasta tempatan dan juga luar negara. IPT dan program pengajian yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Unit Pengiktirafan Kelayakan Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
3. **Urusan Mendapatkan Tempat Di IPT.** Urusan memohon dan mendapatkan tempat di IPT adalah tanggungjawab pemohon.
4. Skim ini terbuka kepada anak-anak anggota Angkatan Tetap ATM yang telah ditawarkan tempat di IPT dan ibu/bapa mereka berkemampuan untuk membayar balik pinjaman dalam tempoh yang dibenarkan di mana pinjaman tidak terhad kepada seorang anak sahaja. Had maksimum keseluruhan pinjaman adalah sebanyak RM 30,000.00 sahaja.
5. Anak-anak anggota yang sedang mengikuti pengajian juga layak memohon sekiranya tidak menerima pinjaman atau biasiswa daripada mana-mana agensi kerajaan dan swasta, tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa SPAAT.
6. Bagi pemohon yang telah mendapat pinjaman daripada TAPAT, mereka masih boleh memohon mendapatkan kemudahan di bawah Skim ini dengan syarat berkemampuan membayar balik keseluruhan jumlah yang dipinjam. Jumlah pinjaman bagi kedua-dua Skim ini dihadkan kepada RM 30,000.00.
7. Pemohon hendaklah mempunyai baki gaji minimum ( bagi askar lasykar ) setelah mengambil kira bayaran balik pinjaman Skim ini. Baki gaji minimum mengikut pangkat adalah seperti berikut:

Pangkat Setaraf	Baki Gaji Minimum
a. Pegawai Waran	- RM 500.00.
b. Staf Sarjan	- RM 400.00.
c. Sarjan	- RM 350.00.
d. Koperal ke bawah	- RM 250.00.

8. **Borang Permohonan.** Setiap permohonan hendaklah disertakan slip gaji asal dan surat tawaran kursus berserta jadual yuran pengajian.
9. **Saluran Permohonan Pinjaman.** Semua permohonan hendaklah dimajukan mengikut saluran melalui unit, Jabatan Arah/Cawangan (bagi Tentera Darat), Markas Perkhidmatan dan akhirnya kepada Jabatan Arah Pendidikan di Markas ATM.
10. **Tapisan Permohonan.** Setiap permohonan akan ditapis oleh Jawatankuasa SPAAT berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan di atas.
11. **Kuasa Kelulusan.** Jawatankuasa Eksekutif TKAT. Kelulusan permohonan akan dimaklumkan oleh Sekretariat SPAAT kepada permohonan dan salinan kepada Perkhidmatan masing-masing.
12. **Bentuk.** Pinjaman yang dikeluarkan berbentuk pinjaman tanpa faedah dan dibayar balik secara ansuran bulanan melalui potongan gaji oleh UGAT.
13. **Kuantum Pinjaman.** Kuantum pinjaman maksimum diberikan mengikut salah satu kategori seperti berikut:

a. Kategori A (Pinjaman Permulaan Pengajian)			
(1) Diploma / Matrikulasi / Asasi / A-Level	-	RM 4,000.00	
(2) Ijazah Pertama	-	RM 6,000.00	

- b. Kategori B (Pinjaman Pembiayaan Penuh). Bagi anak-anak anggota yang tidak menerima basiswa / pinjaman, kadar pinjaman adalah 80% daripada yuran pengajian atau RM 30,000.00 yang mana lebih rendah.
- 14. Bagi peminjam yang telah mendapat pinjaman Kategori A, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk pinjaman Kategori B. Jumlah pinjaman untuk kedua-dua kategori secara keseluruhannya tidak melebihi RM 30,000.00.

## PENGELUARAN PINJAMAN

- 15. Bagi permohonan yang berjaya, pinjaman akan dikeluarkan melalui cek atas nama pemohon (untuk Kategori A) dan atas nama IPT (untuk Kategori B). Bagi Kategori B, pengeluaran pinjaman dilaksanakan secara berperingkat (progressive payments) berdasarkan yuran yang dituntut oleh IPT. Dalam konteks ini, peminjam hendaklah mengemukakan invois/bil yuran pengajian daripada IPT kepada Jabatan Arah Pendidikan untuk disemak dan diproses bagi pembayaran.
- 16. Berdasarkan kuantum pinjaman yang diluluskan, invois/bil tersebut seterusnya akan dimajukan oleh Jabatan Arah Pendidikan kepada Bendahari TKAT untuk urusan pengeluaran cek. Cek berkenaan akan dikeluarkan kepada peminjam atas nama IPT berkenaan.
- 17. **Bayaran Balik.** Tempoh bayaran balik maksimum adalah 36 bulan (untuk Kategori A) dan 60 bulan (untuk Kategori B). Walau bagaimanapun tempoh sebenar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa SPAAT.
- 18. **Potongan Gaji.** Potongan gaji akan dilaksanakan dua bulan selepas bayaran pertama (cek pertama) dikeluarkan.
- 19. **Dokumentasi.** Jabatan Arah Pendidikan adalah penyelaras kepada pengurusan Skim ini. Anggota yang ditawarkan pinjaman dikehendaki membuat proses dokumentasi di Sel Pengajian Tinggi, Jabatan Arah Pendidikan, Markas ATM. Dokumen-dokumen yang perlu ditandatangani adalah:
  - a. **Perjanjian Pinjaman.** Peminjam dikehendaki menandatangani Perjanjian Pinjaman dan membayar duti setem perjanjian. Dalam hal ini:
    - (1) Perjanjian adalah di antara pemohon dan TKAT yang diwakili oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa iaitu Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif TKAT.
    - (2) Perjanjian hendaklah disediakan dalam 5 salinan. Agihan seperti berikut:
      - Jabatan Arah Pendidikan.
      - Markas Perkhidmatan.
      - Jabatan Arah (Untuk Tentera Darat sahaja).
      - TKAT.
      - Pemohon.
  - b. **Surat Kebenaran Potongan Gaji.** Peminjam dikehendaki menandatangani surat kebenaran potongan gaji oleh UGAT.
- 20. **Keputusan Peperiksaan.** Peminjam (Kategori B) bertanggungjawab untuk memajukan keputusan peperiksaan setiap semester/sesi kepada Jabatan Arah Pendidikan. Kegagalan peminjam berbuat demikian boleh mengakibatkan pinjamannya ditahan.
- 21. Adalah diharapkan, Skim ini dapat memberi manfaat, kelebihan dan peluang-peluang peningkatan akademik berbanding perkhidmatan lain di dalam kerajaan. Pengwujudan skim ini juga telah menunjukkan bahawa ATM begitu peka dengan kebajikan anggota dan keluarga mereka di samping imbuhan-imbuhan lain yang sedia ada demi meningkatkan daya saing semasa dan selepas mereka bersara daripada perkhidmatan kelak. Skim ini turut membuktikan bahawa ATM bukan sahaja menjaga keselamatan negara bahkan memastikan setiap lapisan anggota tentera serta keluarga diberikan peluang untuk mencapai tahap pendidikan tertinggi.



## SKIM TABUNG PINJAMAN AKADEMIK DAN PENGAJIAN TINGGI ANGKATAN TENERA (TAPAT)

### AM

1. Skim Tabung Pinjaman Akademik dan Pengajian Tinggi Angkatan Tentera (TAPAT) merupakan satu kemudahan untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan isteri/suami mereka membuat pinjaman kewangan bagi mengikuti pengajian tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta tempatan dan luar negara di dalam pelbagai bidang pengajian dan juga bagi pembiayaan yuran peperiksaan akademik, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pengendalian Skim ini adalah secara tabung pusingan iaitu pinjaman yang dikeluarkan akan dikutip balik dan digunakan semula untuk dipinjamkan kepada anggota-anggota lain yang berkelayakan.
2. Dengan wujudnya Skim ini diharapkan ia akan dapat membantu meringankan beban kewangan anggota ATM dan isteri/suami mereka yang ingin belajar sendiri di IPT awam dan swasta serta anggota dan isteri/suami mereka yang ingin menduduki peperiksaan akademik (SPM dan STPM).

### DANA TABUNG

5. Dana Tabung ini disediakan daripada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT).

### JENIS, PERINGKAT DAN TEMPAT PENGAJIAN

6. **Jenis Pengajian.** Pengajian yang boleh ditaja adalah seperti berikut:
  - a. **Pengajian Secara Separuh Masa.** Ia adalah terbuka bagi anggota ATM dan isteri/suami mereka yang bekerja.
  - b. **Pengajian Secara Sepenuh Masa.** Ia adalah terbuka bagi isteri/suami anggota ATM yang tidak bekerja.

**Peringkat dan Tempat.** Pinjaman Skim ini dikeluarkan bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah yang ditawarkan di IPT awam dan swasta tempatan dan juga luar negara. IPT dan program pengajian yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Unit Pengiktirafan Kelayakan Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bagi peperiksaan akademik iaitu SPM dan STPM ianya hendaklah diambil di tempat-tempat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

**Urusan Mendapatkan Tempat Di IPT.** Urusan memohon dan mendapatkan tempat di IPT adalah tanggungjawab pemohon.

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Skim ini terbuka kepada anggota Angkatan Tetap ATM dan isteri/suami mereka yang telah ditawarkan tempat di IPT dan berkemampuan untuk membayar balik pinjaman dalam tempoh yang dibenarkan, dengan syarat tidak menerima sebarang pinjaman atau biasiswa daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta.

Anggota dan isteri/suami mereka yang sedang mengikuti pengajian juga layak memohon tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa TAPAT. Bagi pemohon yang telah mendapat pinjaman daripada SPAAT, mereka masih boleh memohon mendapatkan kemudahan di bawah Skim ini dengan syarat berkemampuan membayar balik keseluruhan jumlah yang dipinjam. Jumlah pinjaman bagi kedua-dua Skim ini dihadkan kepada RM 30,000.00.

Pemohon hendaklah mempunyai baki gaji minimum (bagi askar lasykar) setelah mengambil kira bayaran balik pinjaman Skim ini. Baki gaji minimum mengikut pangkat adalah seperti berikut:

- |                     |   |            |
|---------------------|---|------------|
| a. Pegawai Waran    | - | RM 500.00. |
| b. Staf Sarjan      | - | RM 400.00. |
| c. Sarjan           | - | RM 350.00. |
| d. Koperal ke bawah | - | RM 250.00. |

### TATACARA PERMOHONAN PINJAMAN

**Borang Permohonan.** Permohonan pinjaman hendaklah dimajukan dengan menggunakan borang permohonan Tabung TAPAT. Setiap permohonan hendaklah menyertakan slip gaji asal, surat tawaran kursus berserta jadual yuran pengajian dan salinan Sijil/Kad Nikah (permohonan membiayai pengajian isteri/suami).

13. **Saluran Permohonan Pinjaman.** Semua permohonan hendaklah dimajukan mengikut saluran melalui unit, Jabatan Arah/Cawangan (bagi Tentera Darat), Markas Perkhidmatan dan akhirnya kepada Jabatan Arah Pendidikan.
14. **Tapisan Permohonan.** Setiap permohonan akan ditapis oleh Jawatankuasa TAPAT berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.
15. **Kuasa Kelulusan.** Jawatankuasa Eksekutif TKAT.

## BENTUK DAN KUANTUM PINJAMAN

16. **Bentuk.** Pinjaman yang dikeluarkan berbentuk pinjaman tanpa faedah dan dibayar balik secara ansuran bulanan melalui potongan gaji oleh UGAT.
17. **Kuantum Pinjaman.** Kuantum pinjaman diberikan seperti berikut:
  - a. Bagi kursus pengajian tinggi, pinjaman yang diberi tertakluk kepada 80% daripada jumlah keseluruhan yuran pengajian atau RM 30,000.00 yang mana lebih rendah dan tidak termasuk kos-kos lain seperti elaun sara hidup, elaun buku, elaun tesis, elaun perjalanan, elaun latihan amali, elaun lebih masa dan sebagainya.
  - b. Bagi peperiksaan akademik, hanya yuran peperiksaan akan dibiayai pada kadar 100%.
  - c. Bagi peminjam yang telah mendapat pinjaman, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk pinjaman kedua di mana jumlah pinjaman untuk kedua-dua permohonan secara keseluruhannya tidak boleh melebihi RM 30,000.00.

## BAYARAN BALIK PINJAMAN

18. **Bayaran Balik.** Tempoh bayaran balik maksimum adalah selama lima tahun (60 bulan). Bayaran balik ini perlu diselesaikan tiga bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan peminjam. Walau bagaimanapun tempoh sebenar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa TAPAT. Garis panduan tempoh pembayaran balik maksimum adalah seperti berikut:
  - a. Diploma:
    - (1) Pegawai - 48 bulan.
    - (2) LLP - 60 bulan.
  - b. Ijazah pertama dan ke atas:
    - (1) Pegawai dan LLP - 60 bulan.
19. **Potongan Gaji.** Potongan gaji akan dilaksanakan dua bulan selepas bayaran pertama (cek pertama) dikeluarkan.

## PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

20. Bagi peminjam yang terpaksa melanjutkan tempoh pengajian atas sebab-sebab kegagalan akademik, masalah kesihatan, penangguhan pengajian dan sebagainya, tiada sebarang pinjaman tambahan diberi. Segala kos yuran tambahan tersebut adalah atas tanggungan sendiri.

## PENTADBIRAN DAN DOKUMENTASI

21. **Dokumentasi.** Jabatan Arah Pendidikan adalah penyelaras kepada pengurusan Tabung ini. Anggota yang ditawarkan pinjaman dikehendaki membuat proses dokumentasi di Sel Pengajian Tinggi, Jabatan Arah Pendidikan, Markas ATM. Dokumen-dokumen yang perlu ditandatangani adalah:
  - a. **Perjanjian Pinjaman.** Peminjam dikehendaki menandatangani Perjanjian Pinjaman dan membayar duti setem perjanjian.
    - (1) Perjanjian adalah di antara pemohon dan TKAT yang diwakili oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa iaitu Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif TKAT.
    - (2) Perjanjian hendaklah disediakan dalam 5 salinan. Agihan seperti berikut:

Jabatan Arah Pendidikan.  
Markas Perkhidmatan.  
Jabatan Arah (Untuk Tentera Darat sahaja).  
TKAT.  
Pemohon.
  - b. **Surat Kebenaran Potongan Gaji.** Peminjam dikehendaki menandatangani surat kebenaran potongan gaji oleh UGAT .
22. **Keputusan Peperiksaan.** Peminjam dikehendaki memajukan keputusan peperiksaan setiap semester/ sesi kepada Jabatan Arah Pendidikan. Kegagalan peminjam berbuat demikian boleh mengakibatkan pinjamannya ditahan.

## PENUTUP

23. Diharapkan maklumat ini akan dapat membantu menyelaras dan melicinkan lagi pelaksanaan Skim ini dan sekali gus berjaya memberi manfaat yang maksimum kepada semua warga ATM.

# JASA TIM PENYELAM KD DUYONG DIHARGAI

Oleh: Lt Mohd Rasul bin Saad TLDM

Pada 20 Jan 16 yang lalu, Markas Selam dan Peperangan Periuk Api telah menerima penghargaan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor di atas jasa bakti yang disumbangkan oleh Tim Selam semasa pencarian mayat seorang pegawai polis yang lemas selepas kereta mangsa terjunam ke dalam lombong di Puchong, Selangor.

Majlis penghargaan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Polis Selangor, Dato Abu Samah bin Mat. Penghargaan juga diberikan kepada jabatan dan agensi penyelamat lain yang turut terlibat semasa operasi tersebut. Mewakili Markas Selam dan Peperangan Periuk Api, Lt Mohd Rasul bin Saad TLDM selaku Pegawai Tim Operasi sewaktu kejadian menerima sumbangan sijil penghargaan tersebut.

Menyingkap kejadian pada 3 Mei 15 lalu, Tim Penyelam dari KD DUYONG telah berjaya menemui mangsa bersama kereta yang dipandunya dalam sebuah lombong di Putra Perdana Puchong. Kereta jenis Proton WAJA yang didaftarkan di bawah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur telah terhumban ke dalam lombong tersebut pada 1 Mei 15 jam 10.30 malam. Operasi menyelamat telah dilakukan oleh KD DUYONG melibatkan 13 anggota Tim Penyelam untuk kerja pencarian mangsa.

Tim Penyelam dilantik bagi mengkoordinasikan tugas pencarian dan pemantauan di lokasi kejadian. Lombong sedalam 34 meter serta keadaan tebing bercerun menyukarkan operasi tersebut. Kawasan juga merupakan tempat buangan tayar terpakai dan sampah.

Tim Penyelam melaksanakan selaman pertama dengan teknik *spot dive* di lokasi yang disyaki pada kedalaman 9 meter dengan penglihatan bawah air 0.5 meter dan kedalaman dasar jenis lumpur (*arm trust*) 0.5 meter. Dari selaman beberapa kawasan yang disyaki gagal menemukan mangsa dan kenderaan. Teknik *spot dive* telah dihentikan dan seterusnya menggunakan teknik pencarian *jackstay* dan *snag line*.

Selaman kedua pada jam 10.10 pagi dengan menggunakan teknik pencarian *jackstay* dan *snag line* di kedalaman 34 meter. Pada jam 10.25 pagi, penyelam memaklumkan mangsa dan kenderaan telah ditemui di kedalaman 14 meter dengan keadaan kenderaan terbalik dan mangsa masih di dalam kenderaan. Mangsa gagal dikeluarkan berikutan keadaan mayat mangsa yang tersangkut di dalam kenderaan. Tim Penyelam mengapungkan kenderaan dan mangsa dengan menggunakan *Lifting Bag* dan kren.

Selaman ketiga pada jam 11.00 pagi, Tim Penyelam menggunakan *Lifting Bag* 1.5 ton bagi penimbulan kenderaan tersebut. Pada jam 11.30 pagi, kenderaan serta mangsa telah berjaya diapungkan dan ditarik menggunakan bot ke tebing lombong. Kren digunakan untuk mengangkat mangsa serta kenderaan ke kawasan selamat sebelum pihak forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) membawa mayat mangsa ke Hospital Serdang bagi tindakan lanjut.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur dan Pegawai Daerah Sepang turut hadir sepanjang operasi dan berterima kasih di atas bantuan yang diberikan oleh pihak TLDM dalam menjayakan operasi tersebut. Turut membantu pihak TLDM ialah Jabatan Bomba dan penyelamat Cyberjaya, Unit Selam Polis Marin, Unit Tindakan Khas (UTK) Bukit Aman, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART).

Kerjasama antara jabatan dan agensi yang terlibat dapat membantu dalam sesuatu operasi yang dilaksanakan. Penghargaan ini juga merupakan satu contoh yang baik untuk diperlakukan dalam perkhidmatan dan menaikkan imej TLDM khasnya dan ATM amnya dalam menyahut seruan kerajaan melalui *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).



## SAMBUTAN KEPULANGAN DAN PEMBUBARAN TIM PEMANTAU ANTARABANGSA-MINDANAO 10 (TPA-M10)

Oleh: Lt M Elizabeth Ann PSSTLDM

Foto: LK II PNK Hir Rahman/LK II PNK Khairul Najmi

Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Haji Ahmad Badaruddin telah menyempurnakan majlis Sambutan Kepulangan dan Pembubaran Tim Pemantau Antarabangsa - Mindanao 10 (TPA-M10) atau *International Monitoring Team Mindanao 10* (IMT-M10) bertempat di Balai Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang pada 15 Mac 16.

Majlis ini bertujuan menyambut kepulangan TPA-M10 yang diketuai Mejai Jeneral Dato' Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan yang turut melibatkan komposisi 16 orang terdiri daripada 10 pegawai dan seorang anggota dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dua pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tiga pegawai awam yang selesai melaksanakan misi selama 12 bulan sejak 14 Mac 15.

TPA-M10 dianggotai seramai 36 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Malaysia (16), Brunei Darussalam (7), Indonesia (9), Jepun (2) dan Norway (2). Tim tersebut telah digantikan oleh TPA-M11 yang diketuai Mejai Jeneral Datuk Wira Zamrose Mohd Zain yang dilaksanakan dua kumpulan di mana Kumpulan Pendahuluan diketuai oleh Ketua Misi berlepas 6 Mac 16 bersama empat orang pegawai menggunakan pesawat komersil, manakala Kumpulan Induk TPA-M11 diketuai Timbalan Ketua Misi, Brigadier Jeneral Dato' Hj Sanusi Samion TUDM pada 13 Mac 16 menggunakan pesawat Hercules C-130 TUDM.



Panglima Tentera Laut mewakili Panglima Angkatan Tentera menyambut kepulangan dan pembubaran TPA M-10 di Pangkalan Udara Subang



Selamat kembali ke tanah air....Laksamana Dato' Seri Ahmad Kamarulzaman menyambut kepulangan Tim Pemantau Antarabangsa-Mindanao 10

# DUA BUAH KAPAL JAPAN MARITIME SELF DEFENSE FORCE (JMSDF) LAWAT MALAYSIA

Oleh: Lt M Elizabeth Ann PSSTLDM

Foto: LK II PNK Khairul Najmi

Pelabuhan Klang - Dua buah kapal Japan Maritime Self Defense Force (JMSDF), JDS URAGA (MST 463) dan JDS TAKASHIMA (MSC 603) telah berhimpit di jeti South Port, Pelabuhan Klang pada 12 Mac 16 jam 9.00 pagi.

JDS URAGA (MST 463) adalah kapal jenis Minesweeper Tenders di bawah pemerintahan Commander Shunichiro Kachi. Kapal yang dinauliahkan pada 19 Mac 1997 ini berkelajuan 22 knot dan berkekuatan seramai 160 anggota. Kapal ini dilengkapi dengan meriam OTO Melara 3 in/ 62 compact iaitu meriam paras permukaan dan platform helikopter untuk MH 53E.

Manakala, JDS TAKASHIMA (MSC 603) adalah kapal jenis Minesweeper di bawah pemerintahan Lieutenant Masanori Nakai. Berkelajuan 14 knot kapal ini berkekuatan seramai 45 anggota dan dilengkapi dengan meriam jenis 20mm Sea Vulcan. Kapal tersebut telah dinauliahkan pada 26 Feb 2010.

Lawatan kapal selama tiga hari ke Malaysia mulai 12 hingga 14 Mac 2016 bertujuan untuk melaksanakan ulang bekal dan beristirahat kepada warga kapal sebelum meneruskan pelayaran ke destinasi berikutnya. Ketibaan kapal telah disambut oleh Komander Kamaruddin bin Yusoff TLDM, Ketua Pegawai Staf Dasar dan Pembangunan Pusat Hidrografi Nasional.

Sempena lawatan ini, TLDM dan pihak warga kapal JMSDF dapat bertukar maklumat, pandangan serta pendapat berkaitan isu keselamatan maritim serantau yang meliputi isu-isu ketenteraan antara kedua-dua pihak. Di samping itu juga, secara langsung dapat mengeratkan lagi hubungan diplomatik pertahanan antara TLDM dan JMSDF.

Selain itu, dengan kehadiran dua buah kapal JMSDF ini juga dilihat membawa kesan positif perkembangan ekonomi negara di mana warga kapal berkesempatan untuk membeli belah serta melawati di tempat-tempat yang menarik di sekitar kawasan Kuala Lumpur.



Kedua-dua buah kapal JMSDF berhimpit di Jeti



Komander Kamaruddin TLDM menyambut ketibaan kapal



Meriah...kehadiran kapal JMSDF telah disambut dengan meriah dari warga Jepun yang menetap di Malaysia

# THAI NAVY DI KUCHING

Pejabat Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching telah menerima lawatan operasi dari kapal Tentera Laut Diraja Thailand (TLDT) iaitu HTMS NARESUAN (FFG 421), HTMS KRABI (OPV-551) dan HTMS KRABURI (FFG 457) yang diketuai Laksamana Muda Massabhand Thavaramara selaku Komander Pusat Latihan Pegawai Kadet TLDT.

Lawatan Operasi ini dilaksanakan mulai 4 hingga 7 Mac 16 bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand serta melatih pegawai-pegawai kadet Thailand seramai 285 orang. Ketiga-tiga kapal telah berlabuh di Jeti Pelabuhan Senari, Kuching pada jam 11.30 pagi.

Sempena lawatan tersebut, pihak PWTL Kuching dan HTMS telah mengkoordinasikan beberapa program sepanjang berlabuh di Kuching Sarawak. Antara program yang dilaksanakan ialah kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Sarawak, majlis resepsi di kapal HTMS NARESUAN, lawatan kapal (open ship), perlawanan sukan persahabatan bola sepak dan lawatan sekitar Kuching, Sarawak.

Majlis resepsi turut dilaksanakan di kapal HTMS NARESUAN dan dihadiri Ketua-ketua Jabatan Negeri Sarawak serta Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching bagi menunjukkan kehadiran Kapal HTMS di Kuching Sarawak kepada Jabatan-jabatan Negeri Sarawak.



Kedatangan Laksamana MudaMassabhand Thavaramara bersama warga kapalThailand disambut oleh Pegawai MemerintahPWTL Kuching



Majlis Resepsi Di Kapal HTMS Naresuan



Perlawanan bola sepak antara pegawai-pegawai kadet Thailand bersama warga RNO Kuching dan APMM Wilayah Sarawak

Anda berminat mencebur TLDM? Kalau benar berminat, anda perlu tahu syarat-syarat yang mesti dipatuhi untuk melayakkan anda bergelar perwira di samudera.

Pemilihan Perajurit Muda TLDM dibahagikan kepada dua sesi iaitu Pemilihan Peringkat Awal dan Peringkat Akhir. TLDM telah menggariskan syarat-syarat dan kriteria yang tertentu bagi setiap calon yang hadir pada setiap peringkat pemilihan berpandukan kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera dan syarat-syarat keperluan semasa perkhidmatan sebagai asas tapisan sebelum dipilih untuk menjalani latihan Perajurit Muda selama 6 bulan.

Oleh yang demikian, pelaksanaan pemilihan ini menitikberatkan beberapa faktor utama iaitu pencapaian akademik, pengetahuan, penampilan diri, kecerdasan dan bentuk fizikal yang bersesuaian serta bertepatan sebagai anggota TLDM selaras dengan kehendak dan bidang tugas yang semakin mencabar masa kini.

Ujian Fizikal merupakan antara faktor penting bagi sesi pemilihan ini dan cabaran terakhir yang perlu dilalui sejurus calon selesai menjalani Ujian Kesihatan (medical check up). Ujian ini menyumbang sebanyak 30% daripada peratus keseluruhan untuk membolehkan calon berjaya dipilih ke peringkat tapisan board.

#### Pengkelasan Gred

SIRI	GRED	JUMLAH MARKAH
1	A	25 ke atas
2	B	20 - 24
3	C	15 - 19
4	D	10 - 14
5	GAGAL	9 ke bawah

Taraf pencapaian Uji Cergas bagi calon lelaki:

Markah	Bangkit Tubi – 60 saat	Lompat Jauh – dari kedudukan berdiri	4 x 10M lari ulang-alik	Mendagu – 60 saat	Larian 2.4KM	Renang
5	>39	>242	<10.4	>10	<10.21	
4	37 - 38	234 - 242	10.4 - 10.5	9 - 10	10.21 – 11.0	
3	34 - 36	225 - 233	10.6 - 10.7	7 - 8	11.01 – 11.4	
2	31 - 33	216 - 224	10.8 - 10.9	5 - 6	11.41 – 12.2	
1	28 - 30	207 - 215	11.0 - 11.1	3 - 4	12.21 – 13.0	Semua calon dikehendaki lulus ujian ini



#### **TARAF PENCA**



**BANGKIT TUBI  
DALAM MASA  
60 SAAT**



**LOMPAT  
JAUH DARI  
KEDUDUKAN  
BERDIRI**



**BANGKIT TUBI  
DALAM MASA  
60 SAAT**



**LOMPAT  
JAUH DARI  
KEDUDUKAN  
BERDIRI**

#### **TARAF PENCAPAIAN**

# AKKAH SAYA ?/?

## CAPAIAN UJIAN FIZIKAL BAGI LELAKI



4 X 10 M  
LARI  
ULANG



MENDAGU  
DALAM MASA  
60 SAAT



LARIAN 2.4  
KM  
MIN: SAAT



RENANG/TERAPUNG

## CAPAIAN UJIAN FIZIKAL BAGI PEREMPUAN



4 X 10 M  
LARI  
ULANG



BERGANTUNG  
DALAM MASA  
60 SAAT



LARIAN 2.4  
KM  
MIN: SAAT



RENANG/TERAPUNG

Taraf pencapaian Uji Cergas bagi calon wanita:

Markah	Bangkit Tubi – 60 saat	Lompat Jauh – dari kedudukan berdiri	4 x 10M lari ulang-alik	Bergantung – 60 saat	Larian 2.4KM	Renang
5	>28	>197	<11.6	>42	<15.01	
4	27 - 28	186 - 197	11.6 - 11.8	38 - 42	15.01 – 15.30	
3	25 - 26	174 - 185	11.9 - 12.1	34 - 37	15.31 – 16.00	
2	23 - 24	162 - 173	12.2 - 12.4	30 - 33	16.01 – 16.30	
1	21 - 22	150 - 161	12.5 - 12.7	26 - 29	16.31 – 17.00	Semua calon dikehendaki lulus ujian ini

# KEJOHANAN TENTERA LAUT

Oleh: Lt Fazlan Fahme bin Puzi TLDM, Cawangan Komunikasi Strategik MPPL

Selepas 14 hari berlangsung, akhirnya sukan terbesar TLDM iaitu Kejohanan Mini Olimpik edisi ke 24/16 (KMO 24/16) telah melabuh tirai di Stadium TLDM Lumut pada 25 Mac 16. Majlis penutup kejohanan ini disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin. Karnival sukan terbesar TLDM ini berlangsung secara rasminya dari 19 hingga 25 Mac 16 selepas perasmian yang dilaksanakan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Anuwi Hassan selaku Pengurus Lembaga Sukan TLDM.

Kejohanan pada edisi kali ini mempertandingkan 38 acara sukan dengan 27 acara kategori lelaki dan 11 acara kategori wanita. Sebanyak tiga Markas Formasi TLDM yang bertanding iaitu Markas Pemerintahan Armada (MPA), Markas Pemerintahan Bantuan (MPB) dan Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM). KMO 24/16 telah dianjurkan oleh MPPL TLDM selaku tuan rumah.

Kejohanan Mini Olimpik TLDM mula diperkenalkan pada tahun 1970 di Woodlands, Singapura. Ia telah diilhamkan oleh Captain M. Burgoyne RN, Komander Tentera Laut Diraja Malaysia pada ketika itu. Beliau telah berusaha mencungkil bakat dalam bidang sukan di kalangan anggota TLDM untuk pertandingan di peringkat antara perkhidmatan dan seterusnya kebangsaan dan antarabangsa. Di peringkat permulaan, kejohanan ini dikenali sebagai Pesta Sukan dan kemudiannya nama ini ditukar kepada Kejohanan Mini Olimpik (KMO) pada tahun 1976. Ia adalah Kejohanan dwi tahunan yang dipertandingkan sehingga kini mulai 1976.

Kejohanan ini juga merupakan platfrom terbaik untuk

mencungkil bakat-bakat baru dalam kesemua acara sukan yang dipertandingkan demi pembangunan dan kemajuan sukan dalam TLDM. Manifestasi kejayaan ini terbukti dengan keupayaan TLDM menjuarai Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan ATM selama lapan tahun berturut-turut sejak tahun 2008. Dengan prestasi semasa serta peningkatan mutu pertandingan pada KMO kali ini, TLDM akan terus memberikan persembahan cemerlang dalam Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan ATM untuk mengekalkan kejuaraan. Bagi mencapai sasaran tersebut, TLDM sentiasa memberikan latihan yang terbaik serta pendedahan yang mencukupi kepada para atlet agar mereka dapat mempertingkatkan prestasi dari semasa ke semasa. Dengan keazaman yang kuat, atlet TLDM boleh mencapai kejayaan sehingga ke peringkat pertandingan sukan yang tertinggi di arena antarabangsa.

TLDM sentiasa menyokong dan menggalakkan warganya melibatkan diri secara aktif dalam bidang sukan, bukan hanya di peringkat formasi atau TLDM sahaja, malah sehingga ke peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Seramai 17 atlet TLDM yang mewakili negara pada Sukan SEA Ke-28 di Singapura pada 5 hingga 16 Jun 2015 yang lalu telah berjaya menyumbangkan empat pingat Emas, enam pingat Perak dan tujuh pingat Gangsa kepada kontinen negara. Kontinen MPPL TLDM merangkul Johan Keseluruhan diikuti Kontinen MPA di tempat kedua manakala Kontinen MPB jatuh tempat ketiga. Johan keseluruhan bagi kategori lelaki dimiliki oleh MPA dan kategori wanita pula adalah MPPL TLDM.

Kejohanan pada edisi kali ini melakar sejarah tersendiri apabila 16 rekod KMO TLDM berjaya dipecahkan melalui sukan olahraga. Antara rekod kategori lelaki yang berjaya

# MINI OLIMPIK DIRAJA MALAYSIA

## MEMPERKASAKAN BUDAYA 3K

dipecahkan adalah acara Lompat Bergalah (3.90 meter), Lompat tinggi (1.55 meter), Merenjam Lembing (53.91 meter), 1500M (4 minit 09.5 saat), 800M (1 minit 59.1 saat), 15 km Mini Marathon (51 minit 55.4 saat) dan 4 x 400M lelaki (43.12 saat). Seterusnya bagi kategori wanita pula dalam acara 3000M Lari Berhalangan (12 minit 15.9 saat), 1500M (5 minit 14.2 saat), 5000M (19 minit 33.1 saat), Melempar Cakera (28.42 meter), Melontar Peluru (10.33 meter), Lompat Jauh (5.22 meter), Lompat Kijang (10.41 meter), 400M Lari Berpagar (75.8 saat) serta 7 km Mini Marathon (34 minit 08.22 saat).

Kesemua rekod baru ini berjaya mengatasi pencapaian sebanyak lapan rekod pada KMO 23/14 yang lepas. Keputusan yang membanggakan ini membuktikan atlet-atlet yang terlibat telah memperkuatkan kesungguhan dan kegigihan untuk melaksanakan yang terbaik sepanjang kejohanan berlangsung. Pada masa yang sama, ramai bakat baharu berjaya dicungkil melalui acara sukan yang dipertandingkan. Kejohanan ini dilihat berjaya memupuk *esprit de corps* the Navy People bukan sahaja kepada atlet-atlet yang bertanding malah para penyokong kontinjen masing-masing yang penuh bersemangat memberi sorakan sewaktu berlangsungnya acara sukan. Kesemua aspek tersebut amat diperlukan dalam menjana warga Tentera Laut Bertaraf dunia (*World Class Navy*). Inisiatif ini secara tidak langsung mendokong pembudayaan 3K (Kecergasan, Kesihatan dan Kesegakan) yang diterapkan pada segenap lapisan Warga TLDM serta Program 'Fit Malaysia' yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Olahragawan KMO 24/16 jatuh kepada 838482 LK II PAP Royson a/l Vincent daripada MPPL TLDM. Beliau telah

memenangi tiga pingat emas dalam acara individu iaitu 800 meter, 1500 meter, dan 300 meter lari berhalangan dan satu pingat emas berkumpulan bagi acara 4x 400 meter. Beliau berjaya mencatat rekod baru kejohanan bagi acara 800 meter dan 1500 meter. Manakala Olahragawati KMO 24/16 telah disandang oleh 5501562 LK II JJM Salesnilla anak Gabi daripada MPPL TLDM. Beliau memenangi empat pingat emas individu iaitu acara mini marathon 7 Km, 1500 meter, 3000 meter lari berhalangan dan 5000 meter. Beliau turut memenangi satu pingat emas berkumpulan bagi acara 4 x 400 meter dan telah mencatat rekod baru kejohanan bagi acara mini marathon, 1500 meter, 3000 meter lari berhalangan dan 5000 meter.

Antara pengisian atur cara sepanjang majlis penutup kejohanan ini adalah nyanyian lagu Negaraku dan Samudera Raya, perarakan bendera warna-warni, kontinjen berjalan masuk dan penurunan bendera kejohanan. Dalam pada itu, turut dipertontonkan persembahan menarik seperti Kibaran Bendera Semaphore, Pertunjukan Pemindahan Jackstay Ringan, Tempur Tanpa Senjata (TTS) dan Tarian War Dance. Keseluruhan demonstrasi ini disertai oleh pelatih-pelatih Pusat Latihan TLDM iaitu KD PELENDOK dan KD SULTAN IDRIS I. Pada masa yang sama, turut diadakan persembahan Pancaragam Pusat dan Drumline TLDM, Kawad Senyap TLDM serta Tarian 1Malaysia oleh Badan Kesenian TLDM. Kejohanan ini akan diadakan pada dua tahun akan datang iaitu pada tahun 2018 KMO 25/18 dan Markas Pemerintahan Armada sebagai tuan rumah. Majlis diakhiri dengan pertunjukan bunga api sebagai simbolik berakhir KMO 24/16.



**“TLDM sentiasa memberikan latihan yang terbaik serta pendedahan yang mencukupi kepada atlet-atlet agar mereka dapat mempertingkatkan prestasi dari semasa ke semasa...”**

# PEMBIAYAAN

Peribadi Berpenjamin  
**SEHINGGA**

**RM 200,000\*\***

## NIKMATI PENINGKATAN Pembiayaan Baru Koperasi Tentera

**MOHON  
SEKARANG**

Di mana-mana pejabat  
Koperasi Tentera  
berdekatan anda

Tempoh bayaran  
sehingga **10 Tahun\*\***  
berdasarkan TTP  
pemohon dan penjamin

**2 ORANG PENJAMIN**  
dalam perkhidmatan  
Angkatan Tentera Malaysia

Kiraan jumlah pembiayaan  
berdasarkan jumlah  
pendapatan **X 20 kali \*\***

\*\* Tertakluk kepada terma dan syarat

Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian 03-40272600 atau  
emel kepada [customercare@katmb.com.my](mailto:customercare@katmb.com.my)

[www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my)

SAMUDERA

EDISI HARI TILOM KE-82 65



# UNDERWATER CROQUE MONSIEUR

## CABARAN MEMASAK DI DALAM KAPAL SELAM

Memasak di dalam kapal selam amat berbeza dan mencabar berbanding memasak di dalam kapal-kapal biasa. Walaupun bunyinya mudah, namun dengan menggunakan dua buah periuk memasak yang beratnya mencecah 25 kg bagi setiap satu serta ditambah dengan keadaan kapal yang sering mempunyai dongakan atau pun ‘trim’ membuatkan kerja memasak menjadi lebih sukar. Ditambah pula dengan keadaan ‘galley’ yang sempit yang hanya membolehkan seorang sahaja tukang masak berada di dalamnya ketika memasak.

Di samping itu, tiada sinaran mentari atau pun udara segar yang dapat dirasai ketika memasak, walhal, tukang masak perlu menyediakan makanan yang segar serta sihat kepada seluruh warga kapal. Setelah siap memasak, makanan tersebut perlu dihidangkan terus ke dalam pinggan dan bukannya secara *buffet*. Secara kesimpulannya, memasak di dalam kapal selam merupakan pengalaman yang berbeza dan memerlukan kesungguhan yang tinggi dalam memastikan moral dan motivasi warga kapal berada pada tahap tertinggi.



### Cara membuat croque monsieur.

#### Bahan-bahan:

- \* Roti sandwich
- \* Ham daging / ham ayam
- \* Susu masakan (cooking milk)
- \* Keju cheddar atau mozzarella (diparut)
- \* Keju cheesesdale (kepingan)
- \* Mustard (sesudu teh) atau sos tatar (sesudu makan)
- \* Serbuk lada putih
- \* Garam

#### Cara-caranya:

Panaskan ketuhar kepada 200° celcius.

Sediakan mangkuk besar kemudian masukkan keju cheddar/mozzarella, mustard/sos tatar, sedikit lada putih dan garam.

Gaulkan bahan-bahan itu sambil tuangkan susu masakan sehingga menjadi likat.

Tuangkan susu masakan ke dalam mangkuk kecil. Untuk lapisan pertama, celupkan satu bahagian roti dengan susu.

Letakkan sekeping ham daging/ham ayam di atasnya.

Kemudian letakkan pula kepingan keju cheesesdale.

Untuk lapisan kedua, celupkan juga satu lapisan roti dengan susu.

Letakkan ham daging/ham ayam sekeping diatasnya.

Kemudian letakkan bahan-bahan yang digaul tadi.

Susun di atas tray pemanggang.

Parutkan cheese di atasnya bagi menambah keenakannya.

Bakar menggunakan api atas bawah selama 20 minit sehingga lapisan atas kekuningan atau keju mencair.

*Croque Monsieur merupakan makanan jenis sandwich yang popular di negara Perancis yang biasanya dimakan sebagai snek pagi atau pun petang. Perkataan croque bermaksud ‘to bite’ manakala monsieur pula adalah ‘mister’. Croque monsieur ini merupakan sandwich kepingan ham yang diapit oleh roti dan di atas roti tersebut diletakkan campuran keju dan susu sebelum ianya di bakar di dalam ketuhar.*

*Croque monsieur ini mula diperkenalkan kepada warga kapal selam semasa menjalani latihan bersama bekas submariner tentera laut Perancis di dalam kapal selam Ouessant. Tukang masak mereka telah menukar kepingan ham kepada kepingan ham ayam belanda halal agar semua pelatih kapal selam Malaysia dapat menikmati keenakan croque monsieur ini.*

Menu yang dihidangkan sebagai ‘entrée’ ini kemudiannya telah menjadi menu wajib setiap kali



kapal selam Ouessant belayar menjalani latihan. Walau bagaimanapun, sekembalinya kapal selam ke tanah air, tukang masak kapal telah menukar kepingan ham ayam belanda kepada kepingan ham daging dan ayam tempatan kerana ianya lebih mudah didapati di pasaran.

Kini, croque monsieur ini sering dihidangkan sekiranya kapal menjalani tempoh pelayaran yang panjang. Di samping itu, ianya juga turut dihidangkan kepada tetamu-tetamu kenamaan yang mengikuti pelayaran bersama KD TUN RAZAK.



**Hidangkan croque monsieur bersama salad dan sos cili. Ianya enak dimakan semasa panas.**

# BERITAHU KAMI



## Syarat Memasuki TLDM

Saya berminat untuk menyertai TLDM dan memohon majalah SAMUDERA dapat memaparkan syarat untuk memasuki TLDM terutamanya Ujian Kecergasan – Lepasan SPM, Selangor

## Kehidupan Warga Kapal Selam

Terima kasih majalah SAMUDERA kerana berkongsi kisah TLDM dengan kami semua. Dicadangkan agar majalah ini dapat memuatkan kisah kehidupan warga kapal selam sepanjang mereka bertugas di kapal selam Malaysia – **Ingin Tahu, Seremban.**

## Kelainan Edisi Hari TLDM

Saya sentiasa membaca dan mengikuti perkembangan majalah ini. Saya mencadangkan agar Sidang Redaksi dapat membuat kelainan dalam majalah ini bersempena Hari TLDM yang berlangsung pada April. Terima kasih – **Linda, Kuala Lumpur.**

## Aset TLDM

Saya amat tertarik dengan aset-aset pertahanan negara terutama aset TLDM yang nampak gah di perairan negara. Saya berharap majalah ini dapat memberikan saguhati berbentuk poster gambar-gambar aset TLDM kepada pembaca setia majalah ini. – **Nik Hairudin Nik Diah, Kota Bharu.**

## Latihan Ketenteraan

Saya berminat jika Sidang Redaksi dapat memaparkan kisah latihan ketenteraan dan cara hidup bagi pegawai dan anggota. – **Anuar Ahmad, Selayang.**

## Program Kemasyarakatan

Majalah ini banyak memaparkan penglibatan TLDM dalam program kemasyarakatan. Ini menunjukkan TLDM sentiasa menjalankan hubungan yang rapat bersama masyarakat tanpa batasan. Syabas diucapkan! – **Rohani Mokhtar, Muar.**

## Aktiviti Isteri Anggota

Saya sentiasa mengikuti perkembangan TLDM melalui majalah ini. Saya ingin mencadangkan agar majalah SAMUDERA memaparkan aktiviti isteri anggota semasa suami terlibat dalam operasi pelayaran. – **Siti Fatimah Mansor, Perak.**

## Buku Masakan

Saya tertarik dengan ruangan Galley Samudera yang memaparkan menu-menu istimewa dan menarik yang disediakan oleh anggota kapal TLDM. Saya mencadangkan agar menu-menu tersebut dapat dibukukan sebagai bahan rujukan yang boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. - **Gina, KL.**

## RALAT

Pembetulan SAMUDERA 2/2015 dalam artikel ‘PENULIS TAMU’ Kesalahan ejaan nama Col Amirrudin Hj. Ismail sebenarnya adalah Col Amirudin bin Dato’ Sulaiman

Kami mengalu-alukan sebarang komen atau cadangan untuk menambah baik penerbitan majalah ini di masa akan datang. Surat terbaik yang dipilih akan menerima hadiah misteri sebagai tanda penghargaan di atas sokongan anda. Sila hantarkan komen atau cadangan anda ke:

Surat Pembaca  
Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA  
Bahagian Pengurusan Strategik  
Markas Tentera Laut  
Wisma Pertahanan  
50634 KUALA LUMPUR  
Emel: majalahsamuderatldm@gmail.com





# PRESTON SHIPYARD SDN BHD

Our Services:  
SHIP REPAIR, SHIP BUILDING & BOAT DESIGN

Accredited by:

- ISO 9001:2008
- RINA Mgmt Sys Rva Cert
- DNV-GL DNV-GL 200901
- ESQR European Society for Quality Research



## PRESTON SHIPYARD SDN BHD

KM 9, Ranca-Ranca Road, P.O.Box 82164,  
87031 Federal Territory Labuan, Malaysia  
Tel: 087- 429784/415598 Fax: 087- 423126

info@prestonshipyard.com.my  
www.prestonshipyard.com.my

## SERVICES

### WORK SCOPE

- **Ship Building**
- **Major & Minor Maintenance**
- **Major / Minor / Urgent Repair**
- **Refurbish & Upgrading**
- **Structure Fabrication (Oil & Gas Related)**

### THE WORK SCOPE COVERS ALL AREA Hull

- **Engine & Propulsion System**
- **Power Generation & Distribution System**
- **Mechanical, Electrical & Electronics**
- **Weapon System**
- **Navigation System**
- **Fixtures & Fittings**

PROFESSIONAL • PRO-ACTIVE • PRODUCTIVE



## LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

### PEMBANGUNAN HARTANAH TAMAN LTAT, BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR



#### PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK 2016

LTAT melalui Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) sebagai Pemaju Hartanah komited untuk terus membina lebih banyak rumah-rumah mampu milik untuk ditawarkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedang berkhidmat atau telah bersara serta keluarga mereka.

Nama Projek	: Parsel 2C(1)&2C(2) Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
Jumlah Unit	: 2,000
Keluasan	: 850 kaki persegi (3 Bilik Tidur & 2 Bilik Air)
Harga Jualan	: Bawah RM270,000.00
Jangkaan Siap dengan CCC	: Disember 2018

Pendaftaran di buka mulai sekarang dan sebarang pertanyaan sila hubungi pihak Pemaju kami seperti berikut;

Nama Pemaju	: Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)
Alamat	: Tingkat 9, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.
No.Telefon	: 03-2412 6122.
E-mail	: pemasaranpphm@gmail.com